

TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA **Samudera**

ROYAL MALAYSIAN NAVY

BIL 2 - JULAI/OGOS 2003 | ISSN 0127-6700



- **LEDAKAN PERIUK API**
- **BUKTI KEUPAYAAN TLDM**
- **PERALIHAN TERAJU TLDM**

ISSN 0127-6700



9 770127 670004

Protection is excellent where you find the Thales point

Navies worldwide know Thales Nederland for its outstanding system integration capabilities. We deliver perfectly customised systems, integrate them into a complete combat system and provide high quality life-cycle support. We also have a huge track record in the integration of 3rd party equipment. No matter the type of platform, excellent protection is always our ultimate goal..

THALES



DA08
F-band 2D
medium-to-long
range surveillance
radar



SCOUT
Low Probability
of Intercept
I-band radar



VARIANT
Multi-purpose,
short-to-medium
range 2D radar



TACTICOS
Combat Management
System



MIRADOR
Compact optronic
stealthy weapon
control system

KANDUNGAN

- 5** Teraju Kepimpinan Baru TLDM
- 6** Periuk Api Laut: Perangkap Berbisa
- 8** Perutusan Ulung Panglima Tentera Laut
- 10** ASEAN Navy Interaction 2/2003
- 12** Deep Diving In The RMN
- 14** Leadership Perspectives
- 16** Potret Kejayaan
- 18** Profil: Cawangan Hidrografi
- 20** Armada: Korvet Kelas Laksamana
- 22** PSTLDM: Cabaran Dekad Ini
- 25** Resipi: Sambal Bitong Baung
- 26** Tali Menali
- 29** Silangkata SAMUDERA
- 33** Sukan: Wall Climbing
- 34** Pengenalan Kaunseling
- 38** Sekilas Ikan Di Air



5



12



18



20



25



Ahoy!

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

Tarikh 13 Ogos 2003 mencatatkan satu lagi peristiwa penting di dalam lipatan sejarah TLDM yang menyaksikan pelantikan Laksamana Datuk Mohd Anwar bin Hj Mohd Nor sebagai Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia yang ke-12. Beliau mengambil alih jawatan ini dari Laksamana Datuk Mohd Ramly bin Abu Bakar yang bersara dari perkhidmatan. Serentak dengan ini, perubahan di dalam teraju kepimpinan TLDM turut berlaku di mana Laksamana Madya Dato' Ilyas bin Hj Din dilantik sebagai Timbalan Panglima Tentera Laut yang baru manakala Laksamana Madya Datuk Ramlan bin Mohamed Ali dilantik sebagai Panglima Armada TLDM.

Di dalam perutusan ulungnya, Laksamana Datuk Mohd Anwar mengibaratkan proses pertukaran teraju kepimpinan TLDM seumpama sebuah kapal yang berganti nakhodanya di mana "destinasi atau haluan kapal telah ditetapkan". Sebagai nakhoda TLDM yang baru, beliau bertekad untuk meneruskan kesinambungannya dalam menuju ke arah menjadi angkatan laut yang berkualiti dan *world class* dengan memberi fokus kepada *core business* TLDM. Di dalam merumuskan strategi ke arah matlamat ini, beliau menetapkan 6 agenda teras yang perlu diberi perhatian serius oleh semua peringkat warga TLDM:

Enam Agenda Teras PTL

- Membangunkan armada TLDM ke tahap *mission capability* yang optimum dengan berpaksikan falsafah "*we exist because of the fleet*".
- Strategi pembangunan sumber manusia dilaksanakan mengikut kehendak kompetensi dan kemahiran yang terkini dan relevan supaya dapat mewujudkan satu tim berprestasi tinggi atau *high performance team* di semua peringkat unit maupun formasi. Konsep *right man for the right job*.
- Kepimpinan strategik adalah kritikal bagi menentukan penajajaran atau *alignment* semua warga TLDM bagi mencapai perkongsian wawasan atau visi serta menghasilkan *sense of ownership* yang boleh memupuk sikap yang lebih bertanggungjawab dalam apa jua yang dilakukan. Seseorang pemimpin itu bukan sahaja perlu berpandangan jauh bahkan beliau perlu bertindak sebagai seorang *facilitator* dan *enabler*.
- Konsep TQM sebagai kaedah pengurusan harian TLDM adalah unsur pengukuhan dalam pengurusan dan pembangunan TLDM di semua bidang dan peringkat. Cabaran yang lebih serius bukan sekadar memenangi anugerah, sebaliknya menghayati dan membudayakan serta memperkasakan kualiti setiap hari.
- Fokus kepada aspek *processes* atau proses kerja iaitu semua warga TLDM perlu memahami proses kerja dalam setiap aktiviti yang dilaksanakan. Proses kerja perlu di *challenged* atau dicabar melalui proses validasi agar dapat kita pastikan sama ada ia masih relevan atau sebaliknya. Kita sentiasa perlu menyoal diri kita sendiri - *How can we or I do this better?* atau bagaimana saya boleh melaksanakan kerja ini dengan lebih baik dan efisien? Amalan konsep *best practices* dan beberapa pendekatan baru seperti *performance measurement* atau pengukuran prestasi perlu diperluaskan aplikasinya.

SAMUDERA turut menyiarkan petikan perutusan ulung beliau di dalam keluaran kali ini untuk dihayati semua pembaca terutama warga TLDM.

Penggal kedua tahun 2003 menyaksikan berbagai perkembangan yang menarik untuk TLDM - antaranya ialah ketibaan helikopter Superlynx dan kapal *Patrol Vessel* di Lumut, penyempurnaan keseluruhan kontrak kapal selam *Scorpene*, ketibaan helikopter Fennec dan beberapa peluang perolehan kapal-kapal baru untuk TLDM. Perkembangan positif ini diharap akan berterusan memandangkan banyak lagi rancangan pembangunan yang menanti untuk 'berlaku' di masa hadapan.

Bersempena dengan sambutan Hari Kemerdekaan negara pada 31 Ogos yang baru lalu, saya berharap kita semua akan terus menghayati 'semangat kemerdekaan' dalam erti kata yang lebih luas. Senario dunia yang semakin kompleks serta mencabar akan mendatangkan perubahan kepada persekitaran serta masyarakat kita. Perubahan ini perlu ditangani atau diurus dengan efektif dan ini memerlukan kita sentiasa bersedia serta perihatin ke atas implikasi perubahan kepada diri kita, kepada keluarga kita mahupun ke atas organisasi kita. Kemerdekaan kita dari penjajah adalah merupakan sejarah. Sebagai warganegara yang bertanggungjawab kita harus terus bersatu hati dan memelihara jati diri dengan mengukuhkan semangat kekitaan dan setia antara kita bagi memastikan kita terus "merdeka" dan bebas dari ancaman sosial yang boleh mengancam bukan sahaja diri kita bahkan keluarga dan perkhidmatan TLDM yang kita disayangi.

Keranamu Malaysia - Keranamu TLDM!

Samudera

SIDANG REDAKSI:

PENAUNG/PENASIHAT:

YBhg Laksdya Dato' Ilyas bin Hj Din

KETUA PENGARANG:

KepT Ahmad Kamarulzaman bin Hj Ahmed Baderuddin TLDM

PENGARANG:

Lt Kdr Fadhl bin Abdul Rahman TLDM

Lt Rosdi bin Mohamad TLDM

Hamdan bin Hj Abu (Perajurit)

WARTAWAN:

BK RDP Jemain bin Parmin

BK PBS (i) Saferuddin bin Abbas

LK 1 KNA Halimahon Sa'adiah bt Kamsani

LK 1 KNA Iswardi bin Rashidi

LK 1 KNA Che Alang bin Che Latif

WAKIL LUMUT:

Lt Karimah bt Awi TLDM

Lt Masliza bt Mearif TLDM

LK 1 RGR Normahally bt Mohd Nor

Wakil MAWILLA 1:

Lt Kamaruzaman bin Ahmed TLDM

Wakil MAWILLA 2:

Lt Rosilawati bt Mamat TLDM

Wakil PULAREK:

Lt Nurkashy @ Nurfatimah bt Khalid TLDM

LK 1 KNA Narismi bin Aya

GAMBAR EHSAN:

PR KEMANTAH

PR MTL

PR FOC

PR KD PELANDOK

PERAJURIT

Pacific Photo Lumut

DIREKABENTUK OLEH:

Azman bin Ahmad

Inai Damai Sdn Bhd,

(Azan Media Group),

20/02, Tingkat 20, Bangunan MAA,

No. 12, Jalan Dewan Bahasa,

50460 Kuala Lumpur.

Tel: 03-2142 2452, 03-2145 5278

Faks: 03-2145 5279

Samudera diterbitkan sebanyak empat kali setahun (Mac, Jun, September dan Disember) oleh Markas Tentera Laut Diraja Malaysia dan diedarkan secara percuma. Editorial Samudera dibuat secara usahasama dengan Inai Damai Sdn Bhd, iaitu penerbit Majalah **PERAJURIT**. Samudera mengalu-alukan sumbangan rencana, berita, gambar, cerpen, puisi dan seumpamanya daripada seluruh warga TLDM dan para pembaca yang budiman. Sila hantarkan sumbangan anda sama ada secara pos atau E-mel kepada:

Pengarang Samudera,
Markas Tentera Laut,
Kementerian Pertahanan,
Jalan Padang Tembak,
50634 KUALA LUMPUR.
Tel: 03-2071 3165/3218
Faks: 03-2692 7677

E-mel: samudera@modmail.gov.my

Peralihan Teraju KEPIMPINAN TLDM



Tentera Laut.

Beliau sangat aktif dalam sukan hoki dan pernah menyertai skuad hoki negara ke Sukan SEAP dan Sukan Asia di Tehran pada 1974. Laksamana Datuk Mohd Anwar telah mendirikan rumahtangga dengan Datin Siti Hapsah bte Omar yang juga Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT (L) dan dikurniakan empat orang cahayamata.

Laksamana Madya Dato' Ilyas, 52, berasal dari Alor Setar, Kedah. Memasuki TLDM pada 1970 dan pernah menghadiri pelbagai kursus di dalam dan luar negara. Antara jawatan penting yang pernah disandangnya ialah Panglima Pendidikan dan Latihan TLDM, Panglima Wilayah Laut 1 dan Panglima Armada sebelum dilantik sebagai Timbalan Panglima Tentera Laut.

Beliau dikenali sebagai Bapa Kualiti TLDM di atas sumbangan dan usaha beliau dalam menerapkan budaya kualiti di dalam TLDM. Rumahtangga yang beliau bina bersama

Datin Meryam bte Harun telah dikurniakan dengan tiga orang cahayamata.

Laksamana Madya Datuk Ramlan, 51, memasuki TLDM pada 1970 dan mendapat latihan awal di *Britannia Royal Naval College*, United Kingdom. Beliau juga pernah menghadiri pelbagai kursus di dalam dan luar negara serta memiliki Ijazah Sarjana 'Master of Science in Engineering Business Management' dari University of Warwick, United Kingdom.

Antara jawatan penting yang pernah disandangnya ialah Pengarah Rancang dan Pembangunan-MTL, Asisten Ketua Staf Rancang dan Operasi-MTL, Ketua Pengarah Cawangan Latihan Pertahanan-MATM, Panglima Wilayah Laut 2 dan Asisten Ketua Staf Operasi dan Latihan Pertahanan-MATM.

Laksamana Madya Datuk Ramlan telah mendirikan rumahtangga dengan Datin Noorasma bte Shariman dan dikurniakan dengan seorang cahayamata. **S**

Tentera Laut Diraja Malaysia kini diterajui oleh panglimanya yang baru iaitu Laksamana Datuk Mohd Anwar bin Hj Mohd Nor mulai 13 Ogos 2003. Beliau merupakan Panglima Tentera Laut yang ke-12 telah menggantikan Laksamana Datuk Mohd Ramly bin Abu Bakar yang kini sedang bercuti dan menghadiri kursus peralihan sebelum menamatkan perkhidmatan pada 12 November 2003.

Pelantikan Laksamana Datuk Mohd Anwar sekaligus menyaksikan perubahan di dalam teraju kepimpinan TLDM di mana jawatan Timbalan Panglima Tentera Laut kini disandang oleh Laksamana Madya Dato' Ilyas bin Hj Din manakala Laksamana Madya Datuk Ramlan bin Mohamed Ali dilantik sebagai Panglima Armada.

Laksamana Datuk Mohd Anwar, 53, berasal dari Alor Gajah, Melaka memasuki TLDM pada 1968 dan pernah menghadiri pelbagai kursus kepakaran dan turus di dalam dan luar negara. Beliau juga memiliki Ijazah Sarjana 'Master of Science in Engineering Business Management' dari University of Warwick, United Kingdom.

Antara jawatan penting yang pernah disandang ialah Pegawai Memerintah KD PELANDOK, Juruiring Laut kepada SPB YDP Agong Ke-IX dan Ke-X, Inspektor Jeneral-Markas Tentera Laut (MTL), Panglima Wilayah Laut 2, Komandan Maktab Pertahanan Angkatan Tentera, Panglima Armada, Asisten Ketua Staf Perkhidmatan Anggota di Markas Angkatan Tentera Malaysia (MATM) dan Timbalan Panglima



Dari kiri: Laksdya Dato' Ilyas, Laksamana Datuk Mohd Anwar dan Laksdya Datuk Ramlan



Penghormatan Ulung PTL ke-12

Salah satu tugas teras peperangan maritim TLDM adalah peperangan periuk api yang merangkumi aspek penanaman periuk api (*mine laying*) dan penangkisan periuk api (*mine countermeasures*). TLDM mempunyai kemampuan dalam kedua-dua cabang peperangan periuk api ini, di mana TLDM mempunyai periuk api dasar (*ground mine*) jenis MR80 yang diimport daripada Italy pada tahun 1984, dan 4 buah kapal Penangkis Periuk Api (*Mine Countermeasure Vessel – MCMV*) *Lerici Class* yang diterima pada

Periuk Api Laut Derangkap Berbisa

tahun 1985 juga daripada Italy. Kedua-dua perolehan ini merupakan aset utama peperangan periuk api TLDM, di mana dengan perolehan tersebut TLDM menjadi salah sebuah negara terkehadapan dalam peperangan periuk api di rantau ini.

Ancaman periuk api amat serius implikasinya terhadap keselamatan pelayaran kapal-kapal. Ianya merupakan satu senjata strategik yang boleh merubah aktiviti maritim. Sekiranya ancaman tersebut wujud di perairan laluan keluar dan masuk pelabuhan, tiada mana-mana kapal sama ada kapal perang atau dagang berani belayar keluar atau memasuki pelabuhan sehingga ancaman periuk api dibersihkan. Keadaan ini akan mengakibatkan aktiviti ekonomi maritim akan terjejas, begitu juga dengan kapal perang tidak akan dapat belayar keluar pelabuhan untuk memerangi angkatan kapal musuh di laut. Sekiranya ancaman periuk api wujud di kawasan *choke point*, pelbagai keadaan berlaku di antaranya kapal-kapal perang sendiri atau musuh terpaksa memperlahankan atau melewati pergerakan mereka sehingga ancaman periuk api dapat dibersihkan.

Peperangan periuk api merupakan peperangan senyap tetapi kesannya amat besar sama ada dari segi fizikal atau pun psikologi. Keadaan ini jelas dilihat sejak Perang Dunia Kedua hingga kini yang memberikan kesan serius secara terus dan sampingan. Perkembangan teknologi yang pesat serta canggih di dalam peperangan periuk api, menjadikan peperangan ini bertambah sukar kerana teknologi periuk api semakin maju. Sekiranya teknologi penangkisan periuk api ketinggalan ke belakang, maka proses penangkisan periuk api sukar dilaksanakan dan untuk itu ianya memaksa sistem penangkisan periuk api perlu turut seiring dipertingkatkan.

Malaysia sebagai negara maritim tidak boleh lemah dalam peperangan periuk api serta perlu menggunakan teknologi terkini, yang mudah dikendalikan dan selamat digunakan. Dari aspek penggunaan periuk api ianya amat penting digunakan di perairan negara terutama di kawasan *choke point* dengan cara sistematik

bagi tujuan untuk memusnahkan kapal-kapal musuh. Bagi mencapai objektif operasi penggunaan periuk api, ianya perlu dirancang dengan penuh teliti semasa waktu aman untuk setiap medan periuk api (*mine field*) yang perlu diwujudkan. Perancangan ini meliputi pengiraan dan pembinaan model simulasi perancangan dan penilaian (*planning and evaluation*) medan periuk api merangkumi keupayaan periuk api itu sendiri, jenis kapal musuh, tahap kerosakan yang diperlukan ke atas kapal musuh dan keadaan *environment* di kawasan medan periuk api.

Memandangkan periuk api sebagai satu senjata yang tergulung sebagai kategori senjata strategik yang murah, penggunaannya amat penting untuk pertahanan perairan negara. Periuk api dasar MR80 milik TLDM yang mempunyai bahan letupan TNT dan HBX-3 di antara 745 hingga 850 kg berupaya memusnahkan kapal sehingga kedalaman sekurang-kurangnya 60 meter dan keupayaan untuk memusnahkan kapal selam sehingga kedalaman sekurang-kurangnya 300 meter. Periuk api tersebut berbentuk silinder sepanjang 2 meter dengan diameter 0.5 meter menggunakan sensor magnetik, akustik dan tekanan. Ianya boleh dilancarkan dari platform kapal atau pesawat udara TUDM di mana beberapa siri latihan penanaman periuk api telah dilakukan dengan jayanya.

Kemampuan periuk api perlu dinilai dari masa ke semasa supaya dapat menghasilkan objektif operasi yang dikehendaki melalui ujian peletupan bawah air. Usia periuk api MR80 TLDM kini menghampiri 20 tahun di dalam simpanan dan penilaian kemampuannya perlu dilakukan. Untuk itu satu ujian peletupan bawah air periuk api MR80 telah dilaksanakan pada 29 April 2003 di perairan barat daya Pulau Pangkor bagi tujuan pengumpulan data letupan bawah air. Pengumpulan data tersebut menggunakan sensor *hydrophone* yang mengumpulkan *pressure wave* dan seterusnya diproses dan dianalisa untuk penilaian *shock wave*. Hanya dengan mengetahui nilai sebenar *shock wave* periuk api, maka barulah *setting* yang dibuat ke atas periuk api akan dapat

mencapai tahap kerosakan yang dikehendaki ke atas *target* yang berkaitan.

Sebelum ujian peletupan dilakukan, pelbagai persiapan telah dibuat terutama sekali pembinaan model simulasi komputer peletupan bawah air, kajian kesesuaian lokasi peledakan periuk api dan lain-lain ujian *sensor* di woksyp dan di laut. Apabila semua persiapan dan lain-lain ujian berjaya dilakukan, barulah peledakan periuk api sebenar dijalankan. Tepat pada jam 1530 pada 29 April 2003 ujian peledakan periuk api telah berjaya dilaksanakan yang disaksikan oleh Laksdya Dato' Ilyas bin Hj Din yang ketika itu sebagai Panglima Armada, beberapa pegawai kanan TLDM dan wartawan daripada akhbar tempatan yang berada di KD LEDANG sejauh 1000 meter dari lokasi periuk api. Letupan dan gegaran kuat dapat dirasai oleh setiap yang hadir begitu juga oleh anggota ujian peletupan yang berada di bot ujian terletak sejauh 500 meter dari lokasi periuk api. Sistem rakaman data dan komputer berjaya merakamkan data-data yang dikehendaki yang merupakan pengalaman penting bagi TLDM dalam membuat analisa peletupan periuk api.

Daripada kejayaan peledakan periuk api tersebut, jelas menunjukkan bahawa periuk api MR80 masih mampu menghasilkan peletupan dan tahap kerosakan untuk memusnahkan kapal musuh walau pun telah 20 tahun di dalam simpanan TLDM. Data peletupan bawah air yang dipungut seterusnya diproses dan dianalisa yang merupakan data *pressure wave* hingga *shock wave*. Dari pemprosesan dan analisa data yang dilakukan membuktikan bahawa periuk api MR80 masih mempunyai *shock wave* seperti mana asal dan sesuai untuk terus digunakan. Setelah data-data terkini berjaya diperolehi, usaha-usaha lain diteruskan terutama sekali data-data *environment* di setiap medan periuk api yang perlu diwujudkan termasuk data *signature* kapal bagi digunakan semasa membuat *setting sensor* periuk api tersebut. Kerja-kerja seperti ini akan berterusan, di mana sebagai contohnya data *environment* selain menyimpannya di dalam pangkalan data, ianya juga direkodkan ke dalam Pilot dan Carta Peperangan Periuk Api. **S**

KD LEDANG... antara Kapal Penangkis Periuk Api milik TLDM



Perutusan Ulung Panglima Tentera Laut LAKSAMANA DATUK MOHD ANWAR BIN HJ MOHD NOR

Alhamdulillah, saya bersyukur kehadiran Allah S.W.T kerana hanya dengan limpah kurnia dan izinNya dapat saya menyampaikan perutusan ulung ini, selaku Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia yang baru. Saya menjunjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong di atas perkenan baginda terhadap pelantikan saya. Terima kasih juga kepada Kerajaan Malaysia khususnya, Menteri Pertahanan serta Majlis Angkatan Tentera Malaysia kerana melantik saya memimpin TLDM.

Dengan perasaan rendah diri, saya berdoa semoga Allah Subhanahu Wataala akan sentiasa memberikan saya hidayah dan kekuatan untuk melaksanakan segala tugas dan tanggungjawab dengan penuh berhikmah dan amanah. Persoalan utama saya ialah bagaimana TLDM dan warganya boleh mendapat manfaat daripada kehadiran saya sebagai PTL?

Proses ambil alih teraju kepimpinan TLDM boleh kita ibaratkan seperti mengambil alih tugas nakhoda kapal. Destinasi atau haluan kapal telah ditetapkan. Bagi meneruskan kesinambungan dan memastikan kapal sampai ke destinasi; maka kita akan fokus kepada *core business* TLDM.

TLDM telah pun diubah strukturnya pada tahun 1996 dan juga mendeklarasikan hala tuju melalui Pernyataan Arah TLDM yang merangkumi 3 matlamat, 20 objektif dan 5 pernyataan nilai. Saya rasa ini masih relevan dan harus dijadikan panduan. Bagaimanapun, dalam masa terdekat ini, kita akan menyemak semula pernyataan arah TLDM dan memberi suntikan nafas baru untuk ia lebih terkini dan relevan seiring dengan wawasan baru kita untuk menjadi 'a quality navy' yang bertaraf 'world class'.

Kita sedia maklum bahawa pembangunan sesebuah negara tidak akan tercapai sekira keselamatan tanahair serta rakyatnya tidak terjamin. **Pembangunan ekonomi negara, kestabilan politik dan keselamatan adalah tiga faktor kejayaan kritikal atau critical success factors yang penting di dalam konteks menjamin keselamatan maritim.** Adalah penting bagi negara mempunyai satu angkatan laut yang kredibel.

Di dalam aspek pembangunan negara, TLDM telah menyumbang kepada aktiviti pelayaran belia negara melalui skim latihan pelayaran KLD TUNAS SAMUDERA. Sementara itu, Cawangan Hidrografi dan Oseanografi TLDM juga akan mempertingkatkan tugas mengemaskini carta laut dan menaikkan taraf kepada carta digital untuk menentukan pelayaran kapal-kapal di perairan Malaysia selamat.

Untuk mencapai tahap kredibel yang saya maksudkan, TLDM perlu melalui satu proses transformasi di peringkat strategik serta di peringkat pengoperasian untuk menjadi "world class navy". Untuk melaksanakan proses ini, kita perlu menyediakan *road map* atau strategi yang lebih fokus. Sama seperti di kapal, di mana kita perlu menyediakan pelan pelayaran atau *passage plan* sebelum kapal berlayar. Pelan yang baik perlu perancangan yang teliti dan input serta kerjasama semua pihak.

Dalam merumuskan strategi baru, saya telah menetapkan beberapa agenda utama yang harus diberi tumpuan. **Agenda pertama ialah membangunkan armada TLDM ke tahap mission capability yang optimum dengan berpaksikan falsafah "we exist because of the fleet".** Semua tumpuan akan diuruskan untuk melaksanakan pengurusan dan senggaraan armada secara bijak. Kita bukan sahaja perlu mencapai sasaran yang ditetapkan bahkan mencari pendekatan baru yang lebih kreatif serta inovatif bagi menetapkan sasaran yang lebih mencabar. Selain dari itu, prestasi kita di dalam semua skop serta



aktiviti perlu diukur ke arah mencapai peningkatan berterusan atau *continuous improvements*. Apa yang penting adalah hasil pencapaian atau matlamat yang dihasratkan menjurus kepada meningkatkan kesiagaan dan keupayaan armada TLDM.

Pengurusan armada yang sedia ada atau *existing fleet* akan menjadi titik tolak ke arah pembangunan dan pengurusan sebuah armada yang lebih mantap dan berkesan atau *enhanced fleet* pada masa terdekat dan seterusnya ke arah armada masa akan datang atau *the future fleet*. Saya yakin, kita mampu dan bersedia untuk proses transformasi ini – *Insha Allah*. Dengan keyakinan inilah juga, TLDM akan terus mengorak langkah membangunkan angkatan lautnya yang benar-benar disegani dan kredibel di rantau ini.

Agenda kedua yang akan diberi tumpuan ialah pembangunan sumber manusia. Armada yang canggih tidak akan menghasikan keupayaan yang dihasratkan tanpa warga yang berpengetahuan dan berprestasi tinggi. Peralatan perang dan sistem tempur akan hanya menjadi *enabler* atau pemangkin tetapi *people* atau anggota yang menentukan kita menang perang.

Misi TLDM iaitu menyediakan dan mengatur gerak angkatan laut bagi melindungi kepentingan maritim Malaysia semasa aman dan memastikan kemenangan semasa perang. Ini hanya boleh menjadi kenyataan sekiranya pembangunan sumber manusia dilaksanakan mengikut kehendak kompetensi dan kemahiran yang terkini dan relevan supaya dapat **mewujudkan satu tim berprestasi tinggi atau high performance team di semua peringkat unit maupun formasi.**

Pembangunan sumber manusia akan mengambilkira kehendak pelanggan, iaitu kehendak kapal-kapal di armada. Tiap-tiap pegawai dan anggota akan diberi persiapan yang cukup ke arah kompetensi dan kemahiran yang sesuai sebelum ditugaskan di kapal-kapal dan unit-unit TLDM. Penekanan kemahiran mengendalikan alat-alat tempur dan sistem perang akan diberi keutamaan yang tinggi.

Memandangkan aktiviti pembangunan sumber manusia mengambil masa yang panjang, kita perlu lebih teliti agar perancangan lebih efisien dan sejajar dengan perkembangan perolehan aset-aset baru. Kita juga harus berusaha supaya setiap tugas diberikan kepada mereka yang layak melalui konsep **right man for the right job**. Ini merupakan cabaran

pengurusan sumber manusia yang perlu ditangani secara berterusan di samping mewujudkan persekitaran yang menghasilkan kepuasan kerja yang tinggi untuk semua peringkat warga TLDM.

TLDM akan terus menggalakkan warganya mempertingkatkan kelulusan

- Laksamana Datuk Mohd Anwar Hj Mohd Nor

akademik masing-masing dengan menyediakan kemudahan bagi warganya mengikuti kursus-kursus bersesuaian sejajar dengan matlamat menjadikan TLDM sebuah *learning organisation* serta mumupuk budaya pembelajaran sepanjang hayat.

Kursus profesional akan terus disediakan agar warga TLDM sentiasa terlatih, bersedia serta meningkatkan prestasi masing-masing dan tidak ketinggalan dalam era maklumat yang berasaskan pengetahuan. **Perolehan ilmu serta pengetahuan adalah satu kejayaan yang harus dibanggakan tetapi apa yang lebih penting dan mencabar adalah bagi kita mempraktikkan serta menghayati ilmu dan pengetahuan yang dipelajari.**

Agenda teras ketiga ialah kepimpinan. Ini adalah kritikal bagi menentukan penajajaran atau *alignment* semua warga TLDM bagi mencapai perkongsian wawasan atau visi. Dalam lain perkataan, semua peringkat warga TLDM harus faham serta menghayati pernyataan visi serta misi yang ditetapkan. Dengan penghayatan

ini, semua warga TLDM bukan sahaja jelas mengenai hala tuju TLDM bahkan menghasilkan *sense of ownership* yang boleh memupuk sikap yang lebih bertanggungjawab dalam apa jua yang dilakukan.

Semua unit dan formasi harus menekankan tentang pentingnya kepimpinan melalui teladan. Kita perlu tegas dan mengambil langkah-langkah holistik bagi menangani semua cabaran disiplin dan salah laku supaya ia tidak terus menular dalam perkhidmatan yang kita sayangi ini.

Sifat kepimpinan yang efektif harus menekankan aspek kebajikan warga TLDM supaya mereka dapat memberi tumpuan yang lebih baik kepada tugas dan tanggungjawab. Dalam hal ini sistem kebajikan TLDM melalui sistem

divisional / bahagian yang unik dan teratur perlu diperkukuhkan. Sistem ini terbukti berkesan sekiranya semua pegawai dan bintanga bahagian memahami, menghayati dan

mempraktikannya. Sebagai pemimpin, kita perlu lebih kreatif dalam aspek pengurusan anggota dengan mengadakan program motivasi, lebih perihatin kepada permasalahan anggota bawahan serta memberi bimbingan berkualiti ke arah mempertingkatkan semangat kekitaan, setia kawan dan sekali gus membantu menghasilkan tim prestasi tinggi.

Pada amnya, kepimpinan dalam organisasi yang dinamik perlu mempunyai nilai-nilai *strategic leadership* iaitu seseorang pemimpin itu bukan sahaja perlu berpandangan jauh bahkan beliau perlu bertindak sebagai seorang *facilitator* dan *enabler* bagi memastikan visi dan misi yang ditetapkan diterjemahkan kepada pelan tindakan atau *action plan*. Dalam lain perkataan, pemimpin kini perlu menjadi fasilitator dan penentu agar setiap matlamat yang dihasratkan tercapai atau direalisasikan.

Konsep *Total Quality Management-TQM* sebagai kaedah pengurusan harian TLDM, telah terbukti kebaikannya. Oleh itu, TQM merupakan agenda teras keempat yang kini dijadikan sebagai unsur pengukuhan dalam pengurusan dan pembangunan TLDM di semua bidang dan peringkat. Malah, TLDM telah memilih kualiti sebagai tunjang dalam wawasannya; iaitu menjadikan TLDM sebuah angkatan laut yang berkualiti.

Di sini, saya menyeru agar warga TLDM sentiasa bersikap kreatif dan inovatif dalam mempertingkatkan mutu kerja yang dihasilkan. Tak perlulah menunggu arahan jika usaha atau idea saudara-saudari boleh membawa kebaikan kepada perkhidmatan kita ini. Kita harus berasa bangga atas pengiktirafan kualiti dalam TLDM. Walau bagaimanapun, cabaran yang lebih serius bagi kita bukanlah sekadar memenangi anugerah, sebaliknya menghayati dan membudayakan serta memperkasakan kualiti setiap hari.

Agenda teras berikutnya adalah fokus kepada aspek *processes* atau proses kerja iaitu semua warga TLDM perlu memahami proses kerja dalam setiap aktiviti yang dilaksanakan. Dengan ini kita semua faham dan jelas mengenai jalan atau proses kerja dan ini sekali gus memudahkan kita mengkaji keberkesannya.

Prosedur atau proses kerja perlu di *challenged* atau dicabar melalui proses validasi agar dapat kita pastikan sama ada ia masih relevan atau sebaliknya. Apa yang saya maksudkan di sini adalah kita sentiasa perlu menyoal diri kita sendiri - *How can we or I do this better?* atau Bagaimana saya boleh melaksanakan kerja ini dengan lebih baik dan efisien? Amalan konsep *best practices* dan beberapa pendekatan baru seperti *performance measurement* atau pengukuran prestasi perlu diperluaskan aplikasinya.

Semua warga TLDM perlu diberi kesedaran agar dapat memahami manfaat yang diperolehi melalui pendekatan ini. Cuma dengan mengadaptasikan konsep praktis terbaik ini kita dapat mempercepatkan proses transformasi ke arah "world class navy" seperti yang dinyatakan di awal perutusan saya tadi.

Teknologi komunikasi dan maklumat atau ICT telah memberi added-

value dalam pengurusan TLDM. Kenyataan ini terbukti dengan penggunaan TLDMnet yang menjadi *connecting agent* antara materiel dan manusia, ia juga merupakan *enabling agent* serta *catalyst* bagi memperkembangkan proses-proses ke arah menjadikan TLDM lebih efisien dan efektif. TLDM kini akan meneruskan strategi pembangunan ICT meliputi rangkaian infrastruktur teknologi maklumat di dalam beberapa fasa menjelang tahun 2005 supaya TLDM benar-benar menjadi sebuah E-Organisation.

Agenda teras terakhir saya adalah konsep *jointness* atau bersama yang perlu diterapkan dalam TLDM. Konsep ini adalah merupakan gabungan aset dan keupayaan antara ketiga-tiga

perkhidmatan ATM. Ia penting dalam menghadapi ancaman keselamatan dan peperangan di masa akan datang khususnya dalam menangani ancaman bentuk *asymmetric* seperti pengganas, ancaman siber dan sebagainya. Hakikatnya, di

masa hadapan semakin banyak operasi akan memerlukan kita beroperasi secara *joint* dan ia memerlukan integrasi ketiga-tiga perkhidmatan dalam semua bidang.

Dalam keadaan kekangan sumber yang terhad khususnya aset, sumber manusia dan kewangan, segala sumber sedia ada pada ketiga-tiga perkhidmatan perlu dioptimumkan sebaik mungkin. Budaya *service-centric* atau kepentingan perkhidmatan individu tidak akan lagi relevan dan harus ditukar kepada budaya *jointness* yang memberi fokus kepada operasi serta pemikiran bersama ke arah menjadikan Angkatan Tentera Malaysia yang lebih jitu dan kredibel. Ini semua akan memerlukan pemikiran yang lebih positif dan terbuka bagi menentukan segala keperluan dan fungsi perkhidmatan diintegrasikan dengan baik khususnya komunikasi dan logistik.

Pada kesempatan ini, saya ingin menyentuh tentang Badan Kebajikan Angkatan Tentera (BAKAT). Ia ditubuhkan khusus untuk menjaga kebajikan keluarga anggota tentera dan sentiasa memerlukan sokongan padu dari semua peringkat dalam melaksanakan berbagai program kemasyarakatan dan kebajikan untuk manfaat semua tanpa mengira pangkat. Saya ingin menyeru agar semua warga TLDM yang berkeluarga menggalakkan isteri masing-masing bergiat secara sukarela dalam BAKAT Laut demi kepentingan kebajikan bersama.

Saya juga mengambil kesempatan ini, menyeru saudara saudari untuk menjaga kesihatan diri dengan mengamalkan gaya hidup sihat. Amalkanlah pemakanan yang

seimbang, selalu bersukan dan melibatkan diri dalam aktiviti sukan. Aktiviti sukan secara berkumpulan perlu dilaksanakan secara bersungguh. Secara langsung ia dapat menyumbang ke arah peningkatan prestasi sukan kita baik di peringkat TLDM dan angkatan tentera. Apabila kita sihat, maka mutu kerja serta prestasi kita juga turut meningkat. Terus kan "naval culture" iaitu budaya kebersihan yang kita amalkan di kapal yang sewajarnya telah memberi kesan yang sangat positif kepada persekitaran kita. Pangkalan TLDM kita di Lumut contohnya, masih tersergam indah walaupun telah hampir 20 tahun dibina. Ini adalah sesuatu pencapaian yang membanggakan. Ini melambangkan bahawa, budaya murni yang kita praktikkan kini dijadikan *bench mark* atau penanda aras oleh pihak luar.

Passage atau laluan pelayaran kita ke destinasi yang ditetapkan tidak mudah. Berbagai cabaran dan halangan bakal diharungi. Oleh itu, sebagai nakhoda saya berharap saudara dan saudari sebagai warganya sentiasa bersedia mengharungi samudera luas dengan penuh komitmen dan kecekalan agar kita semua selamat sampai ke destinasi yang dituju - *Insy Allah*.

Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kerajaan Malaysia kerana memberi kepercayaan untuk saya menerajui pucuk pimpinan TLDM.

SEDIA BERKORBAN



Memeriksa kawalan kehormatan di Wisma Pertahanan



Dari kiri: Cambodia, Brunei, Thailand, Malaysia, Filipina dan Singapura

ASEAN NAVY INTERACTION 2/2003

**"Enhancing Regional Cooperation:
Managing Maritime Security Challenges"**



Antara formula terbaik di dalam memastikan kerukunan dan keamanan di dalam apa jua konteks perhubungan antara negara ialah dengan cara memelihara hubungan baik dan mengelak wujud sebarang bentuk prasangka negatif. Sesuai matlamat ini, TLDM telah mengambil inisiatif dengan mengayurkan Persidangan ASEAN Navy Interaction (ANI) pada 3 hingga 5 Julai 2003 bertempat di Sutera Harbour Resort, Kota Kinabalu. Bertemakan "Enhancing Regional Cooperation: Managing Maritime Security Challenges" ANI merupakan satu forum dwi-tahunan yang dimulakan oleh Tentera Laut Diraja Thailand pada tahun 2001. Ia menjadi medan untuk semua Panglima Tentera Laut (PTL) ASEAN berinteraksi dan mengukuhkan kesefahaman sebagai satu usaha *Confidence Building Measures* (CBM) yang dapat menyumbang ke arah menentukan keamanan, kestabilan dan keselamatan

serantau. ANI 2/2003 telah disertai oleh PTL atau wakil dan 6 buah tentera laut ASEAN (TLA) iaitu Brunei, Cambodia, Filipina, Singapura, Thailand dan Malaysia selaku tuan rumah.

Perbincangan meja bulat yang merupakan acara utama ANI 2/2003 telah membincangkan isu-isu yang fokus kepada pelbagai ancaman maritim yang bukan berbentuk ketenteraan dan juga pentingnya kerjasama rapat di kalangan tentera laut serantau. Di akhir perbincangan, persetujuan berikut telah dicapai:

1. Mengoptimalkan ANI sebagai landasan untuk menunjukkan kesepakatan TLA di forum *Western Pacific Naval Symposium* (WPNS) bagi isu-isu yang TLA saling mempunyai pendirian yang sama.
2. Mempertingkatkan kerjasama ke arah pengurusan yang efektif ke atas berbagai cabaran keselamatan di laut pada masa hadapan yang bukan berbentuk ketenteraan termasuk pertukaran maklumat serta pensikan.
3. ANI dijadikan acara dwi-tahunan dan ANI berikutnya akan diadakan pada tahun 2005.

Selain aktiviti formal, beberapa aktiviti berbentuk riadah seperti Regatta TLA, lawatan rekreasi ke tempat-tempat menarik dan persembahan kebudayaan tempatan turut

diadakan. Di dalam acara regatta, TLDM telah berjaya mengungguli kedua-dua kategori yang dipertandingkan iaitu kategori Panglima Tentera Laut (Navy Chiefs) dan kategori pelayar TLA (Navy Representatives). Para isten PTL ASEAN juga telah dibawa melawat ke Perkampungan Kebudayaan Monsopiad dan Pulau Gaya selain berpeluang mencuba pakaian tradisional penduduk tempatan.

Pada amnya, ANI 2/2003 telah berjaya mencapai matlamatnya dalam meningkatkan lagi kerjasama di kalangan tentera laut ASEAN selain mengukuhkan hubungan sesama pemimpinnya. Kelancaran pelaksanaan keseluruhan aktiviti ini pula adalah hasil komitmen dan dedikasi semua yang terlibat di dalam pengayuran dan pelaksanaannya di Kota Kinabalu, Sabah. Walau bagaimanapun, yang lebih penting ialah, semua tetamu telah selamat kembali ke negara masing-masing dengan membawa kenangan dan pengalaman yang manis sepanjang menghadiri ANI 2/03. **S**



Datin Rohani bersama isten PTL ASEAN

LIFE CYCLE COST

Oleh: Kdr Mohd Nazri bin Ahmad TLDM
PS 1 ILS, Markas Tentera Laut

Artikel ILS dalam majalah Samudera 1/2003 telah meneroka penggunaan Konsep Kos Kitar Hayat atau Life Cycle Cost (LCC) dalam perkhidmatan serta konsep penggunaannya dalam proses membuat pemilihan terutama semasa penilaian sebutharga dan tender. Konsep ini tidak hanya dipraktikkan bagi pembelian peralatan yang melibatkan proses tender tetapi juga boleh digunakan di depot-depot dan unit-unit yang membuat pembelian peralatan melalui proses sebutharga (BB1).

Dalam isu kali ini kita akan membincangkan dengan lebih lanjut mengenai konsep LCC. Seperti yang telah dibincangkan dalam isu yang lepas tujuan utama LCC adalah bagi mendapatkan kos yang paling efektif dalam pembelian peralatan sepanjang hayat penggunaan sistem persenjataan atau aset yang dibeli dari fasa konsep hinggalah hanya dilupuskan.

Selama ini kita dapati semasa kita membuat pemilihan atau penilaian kita cuma melihat pada kos pembelian atau aquisition cost sahaja. Pada dasarnya mungkin disebabkan pemilihan dibuat disebabkan oleh tawaran pada kos yang termurah. Dilema yang dihadapi oleh kita semasa membuat keputusan untuk pembelian peralatan atau sistem persenjataan di antaranya adalah:

- Bagi mendapatkan sistem yang mempunyai keupayaan yang terbaik pada kos yang terendah atau lebih mudah dikenali sebagai apa yang kita kehendaki. Kita hendak menjimatkan kos malangnya jarang kita perolehi peralatan yang murah tetapi berkualiti. Barang Ori atau tulen selalunya mahal.

- Penender terendah selalu menang dalam tender. Ini apa yang sering kita lihat dalam proses pembelian, penender yang terendah diberikan tender pembekalan. Sebab polisi pembelian masa kini hanya melihat pada faktor harga terendah dan peralatan boleh diterima walaupun bersyarat tanpa mengambil kira kos senggaraan dan alat ganti yang bakal ditanggung di sepanjang penggunaan dalam perkhidmatan nanti.

- Kualiti adalah Kos. Bagi mendapatkan kualiti lazimnya kita perlu membayar kosnya.

- Adakah yang terbaik itu musuh kepada yang baik (*Good Enough*). Istilah ini adalah bagi mencerminkan di mana kita mempunyai satu sistem yang canggih tetapi hanya digunakan untuk kerja-kerja harian sahaja. Janglah kita membayar lebih tanpa apa-apa faedah. TLDM mempunyai sistem dan peralatan yang canggih seperti TLD Mnet, serta Makmal CBT di setiap Fakulti dan Simulator di Kolej Tentera Laut Diraja. Sistem-sistem ini perlu digunakan sebaik mungkin bagi memaksimumkan penggunaan sejajar dengan perkembangan teknologi maklumat.

Dalam kita menguruskan sesuatu projek atau pembelian peralatan, jangan hanya melihat dari segi kos pembelian sahaja. Pengurusan projek yang terbaik perlu mengkaji dan menganalisa perkara yang berkaitan dengan dokongan semasa dalam perkhidmatan sebelum membuat keputusan. Perkara berikut perlu diberi penekanan sewajarnya.

- **Kos Operasi.** Kita perlu mengambil kira kos pengoperasian sistem yang akan dibeli yang meliputi dari keperluan sumber manusia, kemudahan asas, fasilitas dan juga guna tenaga.

- **Kos Pengagihan Produk.** Kos pengangkutan, Kos pengendalian

perlu dibuat perancangan sewajarnya. Penempatan dan pengagihan yang paling kos efektif perlu difikirkan. Jika peralatan akan digunakan di Sabah atau Serawak perlukah kita membuat penghantaran ke Lumut dahulu sebelum diangkut ke Labuan.

- **Kos Senggaraan.** Setiap peralatan yang dibeli perlu diselenggara. Konsep senggaraan dan keperluan senggaraan perlu diberi penekanan agar keperluan kewangan dapat di bajet. Ianya meliputi keperluan perkhidmatan pelanggan, senggaraan di kapal dan juga senggaraan oleh pihak pembekal. Kos ini dapat memastikan operasi peralatan tidak terjejas. Sering kali peralatan yang dibeli terutama melalui BB1 tidak mengambil kira keperluan kos senggaraan.

- **Kos Latihan.** Adakah kita semua tahu menggunakan semua peralatan yang dibeli. Janglah sampai peralatan yang dibeli menjadi gajah putih. Pastikan sistem atau peralatan yang dibeli disusuli dengan latihan yang meliputi latihan bagi operator dan penyelenggara (*Operator and maintainer training*).

- **Kos Dokongan Bekalan.** Berapa banyak alat ganti perlu disimpan dan apakah jenis atau *line item* yang perlu disimpan di atas kapal dan di depot. Apakah jenis bantuan material yang diperlukan bagi mengoperasikan harta modal ini.

- **Kos Data Teknikal.** Data-data teknikal yang di antaranya tataraca penyelenggaraan dan senarai alat ganti adalah di antara dokumen penting yang diperlukan bagi membantu penyelenggaraan dan pembelian alat ganti.

- **Test & Support Equipment.** Lazimnya barang yang dibeli mempunyai *test & support equipment* yang tersendiri. Kealpaan kita dalam melihat keperluan ini mungkin akan mengakibatkan kita berbelanja lebih di masa hadapan bila senggaraan diperlukan. Senarai peralatan ujian ini perlu disemak seteliti mungkin. Kemungkinan

peralatan yang dicadang oleh pembekal mempunyai persamaan dengan peralatan yang ada dalam perkhidmatan.

- **Kos Software.** Perkiraan terhadap keperluan kos *software* dan perkakasan perlu diambil kira semasa kita melaksanakan proses perolehan. Ini termasuk keperluan kos bagi pelesenan dan sistem yang akan diperolehi mestilah sesuai dan boleh beroperasi dengan sistem lain yang kita ada (*interoperability*).

- **Kos Pelupusan.** Setiap peralatan yang dibeli mempunyai nilai sisa. Anggaran kos pelupusan akan membolehkan kita membuat perkiraan LCC yang lebih tepat.

Istilah *Iceberg* digunakan dalam melihat pemasalahan ini. Selama ini kemungkinan kita cuma melihat pada permukaannya sahaja tanpa memikirkan secara mendalam. Di sini kita sering melupakan keperluan dokongan yang dibincangkan di atas tadi. Jadi di sini amatlah penting bagi kita mengkaji dan mengambil kira semua fakta-fakta dan elemen *Integrated Logistic Support (ILS)* dalam membuat keputusan untuk sesuatu pembelian.

Adalah diharapkan dengan mengambil kira semua keperluan elemen dalam ILS ia akan dapat membantu kita dalam membuat keputusan dalam proses pelaksanaan projek atau pun perolehan peralatan. S



PV mengaplikasikan ILS secara total

DEEP DIVING IN THE RMN

By Lt Commander Muhammad Feekry Choo bin Abdullah TLDM
(Quality Control Officer, RMN Diving Centre)

Until recently the diving capability of the Clearance Diving Branch of the RMN was restricted to 55 metres. This was mainly due to the fact that we did not have the appropriate equipment to support any diving exceeding 55 metres. Compressed Air and Nitrox (a type of gas which is a mixture of Nitrogen and Oxygen) was the main breathing medium used for all diving done by Clearance Divers of the RMN. When using compressed air the maximum achievable depth allowed in the RMN is 55 metres. While with the use of Nitrox, depending on the mixture percentage, from the surface to 24 metres 60% Oxygen 40% Nitrogen is used and anything deeper than 24 metres to a maximum depth of 42 metres 40% Oxygen 60% Nitrogen is used.

In August 1996, a RMAF Nuri helicopter crashed and sank west of Penang in 75 metres of water. At that time there were no resources within the RMN to salvage the helicopter and the job was contracted out to a commercial company. The cost of contracting a commercial company to salvage the helicopter was extremely high. As a result, the RMN was directed by the Ministry of Defence to upgrade its diving capabilities and resources to address this shortfall. As in many other countries like the United States and Britain, their navy has its own deep diving and salvage capabilities which primarily reduces costs in terms of salvage operations and more importantly reduces the probability of enemy forces gaining intelligence from the wreckage. The RMN have initiated the procurement of new equipments and diving systems, such as 'wet bell' diving system (WBDS), surface demand diving equipment (SDDE), diving/submarine tender (DST), recompression chamber (RCC), mixed gas breathing apparatus (MGBA) and remote operating vehicle (ROV), in line with the directive given by MINDEF. However, due to the recent recession, the proposal to procure a diving tender and RCC was postponed.

Safety in military diving is paramount as navy clearance divers are a valuable and costly asset to any naval organization. When conducting any deep diving operation such as salvage operations clearance divers are expected to be able to operate safely, quickly and effectively. This is due to the numerous hazards which these clearance divers have to contend with when operating at depth. One would ask 'What are these hazards?' or 'Why is it so dangerous when diving at depth?' Just to name a few hazards all military salvage divers have to contend with include:

- Decompression sickness.
- Tide and underwater currents.
- Tremendous pressure exerted on the body of the clearance diver e.g. If a diver is 60 metres underwater the amount of

pressure exerted on his body is equivalent to 7 bars absolute. (Normal atmospheric pressure for all of us on the surface is 1 bar absolute).

- Dangerous marine animals.
- Little or no visibility at all.
- Inherent hazards posed by equipments used underwater such as underwater cutting and welding equipments.

What is a Wet Bell? The RMN can proudly claim to be the first country in the South East Asian region to have this equipment, but to a man on the street or even a non diver in the RMN will not be able to explain what this system does for divers or why do divers use it. Not many countries in the world have this diving system, at last count there are less than 10 countries in the world which operates this system. The RMN is now in this exclusive club of world class divers. Back to the question of what this system consist of and how do divers use it. In a nutshell the wet bell is a platform for divers to move from the surface to the bottom and vice versa like an underwater lift. The bell itself has an industrial strength bubble which traps the medium of gas being used by the divers when underwater. When this system is in operation the source which the divers breathe is from the surface. The breathing gas (Compressed Air or Heliox) is supplied to the diver via the divers umbilical. The bell also has its own gas supply from the surface. In all intense and purposes the bell provides the ease for divers to travel up and down as well as a place to come back to if his equipment fails on him while on the bottom.

The system acquired by the RMN is highly technical whereby it has a total of 5 redundancies. These redundancies or alternate breathing sources have to be operated from within the bell itself with the operation of various 'quarter turn valves'. Divers are able to breathe from various sources by just operating these valves. With all these alternatives available to the diver this system makes the diver extremely safe especially when diving very deep (exceeding 50 metres). A lighting array as well as a camera is also fitted onboard the wet bell where the diving supervisor can monitor all the divers movements. When this system is in operation the diving supervisor on the surface is in constant communication with his divers either via the diving helmet communication or the bell communication



system. Constant communication is a must when operating this system. Before a diver dives this system he must be fully conversant with all the diving and wet bell operation procedures. Also he needs to be able to perform all the emergency companion diver drills successfully and without any hesitation. The diving supervisor must also be satisfied that he is able to perform these drills competently.

Apart from understanding the operational requirements and usage of the wet bell diving system, these selected divers were also required to be diving fit. A stringent fitness test was implemented to ensure that these 20 divers are operationally diving fit. We hope to fully endorse this fitness requirement navy wide for all clearance divers in the very near future. Only divers who are diving fit will be allowed to dive the system to the maximum operational depth, which is 90 metres.

The objective was to dive these divers to 90 metres. In order to achieve this objective these divers had to be trained in all aspects of deep diving. Any person can just dive to 90 metres and blow bubbles. However clearance divers must understand the physics, procedures and emergency procedures when operating this system. Having this knowledge can mean life or death underwater, especially at depth.

A comprehensive training programme which included, theory classes and practical diving was drawn up. Divers were given detailed instructions on the following:

- a. A thorough run down on technical aspects of the wet bell diving system.
- b. Decompression calculations for deep diving.
- c. Basic operation of the wet bell diving system.
- d. Emergency procedures while diving.
- e. Use of the DCIEM Diving Tables.
- f. Pre Dive and Post Dive Inspections of the wet bell diving system.
- g. Pre Dive and Post Dive Inspections of the Decompression Chamber.
- h. In water and surface decompression procedures.

For wet bell operations the breathing medium is Heliox (84% helium 16% oxygen). One would ask why do we need to mix our gasses when diving at deeper depths? In layman's terms oxygen becomes toxic from 10 metres onwards. Due to our body's requirement of oxygen to survive we need to mix our breathing



gasses to survive underwater. Another question one would ask is why do we use Helium? All gasses have a narcotic effect to the human body at certain depths. Helium however will only become narcotic at 400 metres. Hence the reason why we use Helium, to maintain a constant partial pressure of oxygen at 1.3 bars, which is safe for the human body.

As we begin to delve into this new era of diving operations, we begin to realise now that divers must not only be fit but he must also have the intelligence to understand and comprehend the technical aspects of diving. All the procedures and technical information mentioned above was practically drilled into the minds of the 20 selected divers. They had to know every single detail and perform all procedures as though it was second nature to them. Training deployments were carried out from early December till April. On each deployment these 20 divers were conditioned and trained on every aspect of wet bell diving especially on emergency procedures. Initially we at Diving Centre projected that we will be able to achieve 90 metres come June of 2003. However, with the splendid performance of the selected divers throughout each training deployment a final fitness test was carried out in early April to select who would be able to attempt and carry out the 90 metre dive. Unfortunate as it may seem only 15 of the selected 20 divers were able to meet the fitness requirement. Therefore on the 27th of April 2003 in the presence of the Fleet Operational Commander Vice Admiral Dato' Elyas bin Haji Din and the representative from the Malaysia Book of Records history

was made when a total of 15 divers achieved 90 metres off the coast of the Sembilan Islands.

It was indeed a proud moment for all of us, we have now achieved what we have set out to do. What of the future? What's next? In all honesty we have barely scratched the surface. RMN Clearance Divers must now not only be able to dive to 90 metres but also be able to perform underwater tasks at the maximum operational depth of the wet bell diving system. We need to start over again and begin training, conducting initially simple tasks underwater with the wet bell diving system. We then must progress escalating the complexity of each task without rushing. Ultimately the aim is to be able to carry out major salvage operations on our own successfully. At the same time we also need to increase the number of divers capable of diving to 90 metres. Both initiatives must run concurrently to ensure continuity. It is indeed a daunting task but we at the RMN DIVING CENTRE are confident that if we hold true to our unofficial motto of 'TRAIN REALISTICALLY AND OPERATE PROFESSIONALLY' we will be able to achieve our objective. **S**



LEADERSHIP PERSPECTIVES



Value-based leadership: focusing on people

By: Capt Syed Zahiruddin Putra RMN

We have just had a recent change of guard and the helm is again at the disposal of a new command under the leadership of the 12th Chief of Navy. That in a way has caused a chained reaction to the succession of key leadership posts in the RMN whom invariably will spearhead and resolve the RMN direction and form in years to come. Is quite timely then to ponder and to talk about leadership. What is a leader or what is leadership? What is expected of a leader and what does a leader expects out of followers? These are very thought provoking issues. Needless to say the study of leadership is one interesting field of social science, which covers a whole wide area of aspects. Leadership in the first place has many different definitions where the distinction is often blurred. Many definitions to it are not only ambiguous but at the same time in certain circumstances have overlapping meanings, which has added to the confusion. But in the study of leadership, the definition is something that is very subjective thus any form of definition could have certain focus and emphasis to it. However the definition of leadership that I

prefer and quite liked would be the understanding of leadership according to Truman(1958:139) who put it as 'leadership is the ability to get other people to do what they don't want to do, and like it'.

The other aspect that has much been talked about leadership is the drawing the line between leadership and management. To a certain extent leadership and management has always been misunderstood and misinterpreted. This is because leadership and management are interrelated to one another and is very difficult to differentiate the two as one complement the other. However one significant difference would be leadership uses influence to attain its objective, whereas management uses authority to achieve the same. Nevertheless each has its own functions and characteristics and both are necessary for success. Leadership even though complements management but it does not replace it. This is so, as even leaders need managers to get things done. Leaders alone without managers will end up and result in nothing.

Among the most widely researched type of leadership are transformational and

charismatic leadership. Transformational leadership is defined primarily in terms of the leader's effect on followers and the behaviour used to achieve this effect. This is when the followers feel trust, admiration, loyalty and respect toward the leader and they are motivated to do more than they are originally are expected to do. The underlying influence process is described in terms of motivating followers by making them more aware of the importance of task outcomes and inducing them to transcend their own self-interest for the sake of the organisation. On the other hand most charismatic leaders do not appear to develop and empower followers in the way one would expect for a transformational leader. Although these leaders are good at managing impressions, a careful examinations of their actions usually reveals that they are more interested in enhancing their own power and prestige than in providing selfless devotion to followers and the organisation.

Talking about leadership and followers, leaders do command greater attention and influence but followers can affect leaders and entire organisation in important ways.

Followers in other words can make attribution to leader intentions and values and could at the end determine a leader's effectiveness. Indeed effective leadership is more likely to be achieved by a process, in which there is reciprocity and the potential for two-way influence and power sharing, rather than by simply relying on authority and exercise of power over others. By doing so both parties will try their best for the benefit of one another. Nonetheless leaders are partners who simply do different things than followers. But both add value and both contributions are necessary for success. But one is not more important than the other. This is just because both are dependable to one another to get things done.

However an interesting point to note is that the traditional role of leaders, bosses and managers alike are now being practically redefined. Teams are now replacing bosses in many leading companies and have been

a business entity?

One important aspect of leadership that should be given a significant concern is ethics. The ethics of leadership whether they are good or bad, positive or negative will affect the work ethos of the workplace and thereby help to form the ethical choices and decisions of the workers in the workplace. Leaders can help to set the tone, develop the shape and the behaviour of those involved in the organisational life. Without the continuous commitment, enforcement and modelling of ethical leadership, standards of organisational ethics cannot and will not be achieved in any organisation. This is so because ethic is something that is very difficult to conform to, where being unethical rather than ethical seems to be more attractive and fun. Furthermore many of the ethical problems arise are because people get preoccupied with short-term interests and they have little concern for the

objective. A complete theory of leadership involves more than specifying leader traits. Traits only endow people with the potential for leadership. To actualise this potential, additional factors are necessary. If an individual is blessed with the many traits of leadership but is not doing anything about it for the betterment of the society, then it will be of no purpose. What is more important here is a leader with all the innate characteristics but are at the same time hone the necessary skills, the vision and the drive to transform the organisation he is leading.

Close to ethical aspect to leadership is the recently much talked about Value-Based Leadership. This is leadership in a different perspective. It is about focusing on people, and that people make the product or output better. It is all based on common values that are agreed upon by leaders and men in an organization. It has been proven that diligently and consistently abiding to certain agreed set values has enabled organization to unlock and unleashed the potential in human capital. In Value-Based Leadership, leaders will no more be barking orders and hold the solitary right in decision-making. Decisions are being made collectively based on common shared values. It is a shift and a lesson in leadership for those of us who are honest enough to see ourselves from control-based to values-based leadership.

Meanwhile the dangers of Narcissist as a leader should not go unnoticed. Narcissism is the dark side of leadership. It is about self-esteem in leaders, which is important to draw them to positions of leadership, but at its extreme levels can lead to narcissism. Narcissists are generally intolerant of criticism, unwilling to compromise and frequently surround themselves with sycophants that could leads to disastrous outcome to an organisation.

Finally as a summary I would like to conclude that leaders in a true sense are leaders when they are able to turn around circumstances and situation rather than adapting to it. In reality leaders are constrain by limitations not within their control. To manage things within their control is expected out of leaders but what is important for leaders is to think and act ethically out of the box to take on the odds, changing the rule of the game to suit the needs of their organisation and the well being of the society as a whole. That is the true test and the mettle of a leader. So ladies and gentleman let us wait and see what is in store for us in years to come from the leaders we serve. **S**



successful in producing a new competitiveness. Today's competitive environment demands intense improvement in productivity, equality and response time, teams can deliver this improvement, bosses can't. To a certain extent, there is a new dimension now where bosses are considered dispensable and in their place are teams as employees who serve as their own managers. This new organisational form goes by many labels; self-managing teams, self-directing teams, autonomous and semiautonomous work groups, empowered teams and many others. These teams have proved they produce remarkable quality, productivity, innovation and just plain good business. To this end the role of leaders now, could easily be challenged. Are leaders required anyway when self-managing teams are providing the competitive advantage of

long term. Ethical approach when confronting problems are not given due priorities but instead what might be called ethical standards gets sacrificed if choices have to be made. As leaders, decisions and action taken should be based on ethical choices, as it is critical in the long term to the society as a whole.

Leaders do not have to be great men or women by being intellectual geniuses to succeed, but they do need to have the right stuff and this stuff is not equally present in all people. This is the difference that will determine the success of an individual to the other. This right stuff of innate characteristics of an individual could be complemented by skills that could be learned and build professionally through conscious drives and the willingness to strive for a purposeful and planned

MERAIH KECEMERLANGAN...

"ILMU" bagi mutiara yang perlu digilap dengan kesungguhan dan kecekalan agar ia berguna di mana sahaja.

Personaliti Majalah SAMUDERA kali ini memaparkan kejayaan 3 pegawai TLDM yang berjaya menempa nama di dalam bidang yang diceburi. Detik kejayaan ini merupakan hasil kekentalan semangat dan usaha yang diperah dari kesedaran Kept Dr Md Hassan bin Omar TLDM, Laksma Dr Hj Sutarji bin Kasmin dan Lt Kdr Hj Mohd Isa bin Yahaya TLDM terhadap kepentingan ilmu di dalam kehidupan.

Pegawai Memerintah Pusat Taktik Maritim (PUSTAKMAR), Pangkalan TLDM Lumut, **Kept Dr Md Hassan bin Omar TLDM** merupakan pegawai kanan ATM pertama yang telah mencipta sejarah mencapai anugerah *Doctor of Philosophy* (PhD). Beliau telah diberi peluang melanjutkan pelajaran selama 3 tahun di peringkat PhD dalam bidang Kejuruteraan Akustik dan Sonar di University of Wales, United Kingdom pada tahun 1994 – 1997. Anak kelahiran Sg Rambai, Melaka ini merupakan pegawai kanan TLDM berkepakaran Navigasi dan Peperangan Periuik Api yang sudah berkhidmat selama 27 tahun. Sepanjang tempoh perkhidmatannya, Kept Dr Hassan telah mengikuti pelbagai kursus dalam dan luar negara terutama sekali Program Pemindahan Teknologi dan lain-lain kursus peningkatan Penyelidikan dan Pembangunan.



Sebagai Pegawai Memerintah PUSTAKMAR, Kept Dr Md Hassan bertanggungjawab kepada Panglima Armada di dalam aspek olah perang dan taktik peperangan di laut. Katanya, di samping tugas

dan tanggungjawab yang diberikan oleh TLDM, beliau juga menjalankan penyelidikan misil, torpedo dan periuik api. Beliau dapat menghasilkan beberapa simulasi perisian sistem persenjataan di dalam aspek kejuruteraan rekabentuk hasil daripada pendedahan tugasnya sebagai Pengarah Penyelidikan dan Pembangunan Misil di Kuala Lumpur (1999 – 2002) serta latihan teori yang diterima daripada University of Cranfield, United Kingdom dan University of Pisa, Italy.

Hasrat dan cita-cita beliau adalah untuk meletakkan TLDM sebagai organisasi yang penuh berilmu atau K – Navy dengan aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang merupakan

pokok utama untuk TLDM menuju ke taraf dunia (world class). Bagi mencapai hasrat ini semua peringkat perlu terlibat dengan sepenuh komitmen serta mengoptimalkan sumber sedia ada meliputi sumber manusia dan material.

Berbeza dengan personaliti kedua, **Laksma Dr Hj Sutarji bin Hj Kasmin TLDM**, Komandan, Maktab Pertahanan Angkatan Tentera (MPAT), merupakan seorang pegawai kanan TLDM berkepakaran PASKAL. Beliau pernah diperjajatkan di Pasukan Khas Laut (PASKAL) sebagai Pegawai Memerintah sebanyak 2 kali iaitu dari tahun 1986 hingga 1990 dan pada 1992 hingga 1994. Di PASKAL, beliau merupakan pegawai yang bertanggungjawab membangunkan PASKAL daripada tahap 'amatur' kepada sebuah pasukan elit TLDM yang mampu melaksanakan pelbagai operasi khas laut termasuk menyelamatkan pelantar minyak/gas, kapal pelancung dan kapal dagang jika ditawan oleh penganas. Untuk tujuan itu, Semua anggota PASKAL dilatih untuk beroperasi dalam kumpulan kecil yang mampu melaksanakan segala tugas dan tanggungjawab dengan cemerlang tanpa pengawasan yang berterusan. Dengan konsep ini, penekanan dan penerapan disiplin serta nilai-nilai murni di kalangan anggotanya adalah tunjang di dalam memastikan mereka menjadi warga pasukan khas yang cemerlang sejajar dengan moto PASKAL "Sentiasa Yang Terbaik".



Melihat perkembangan dunia yang begitu pesat membangun di samping hasrat kerajaan untuk membangunkan Malaysia sebagai sebuah negara maju, Laksma Dr Hj Sutarji menanam satu tekad untuk membolehkannya memberi sumbangan yang berkesan kepada TLDM dan ATM khususnya dan negara amnya. Azam ini telah mendorong beliau untuk meningkatkan kelayakan akademiknya ke peringkat Ijazah Doktor Falsafah. Beliau memulakan pengajiannya di Fakulti Sains dan Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia dalam bidang pengurusan integrasi zon pinggir pantai secara pengajian separuh masa. Penyelidikan beliau ialah mengenai "Efficiency Measurement of Malaysia's

Maritime Enforcement Agencies Using Data Envelopment Analysis". Berbekalkan ketekunan, disiplin diri, doa, sokongan keluarga dan kemudahan yang diberikan oleh TLDM dan ATM serta bimbingan berterusan oleh 4 orang penyelia yang diketuai oleh Profesor Dr Mohd Ibrahim bin Hj Mohamed, Laksma Dr Hj Sutarji telah berjaya menamatkan penyelidikannya dalam masa 5 tahun (1997 hingga 2002). Hasil penyelidikannya telah diterima oleh Universiti Putra Malaysia dan seterusnya beliau layak dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah.

Sumbangan daripada hasil penyelidikannya telah membolehkan mana-mana agensi maritim untuk mengukur efisiensi organisasi masing-masing. Teknik ini bukan hanya boleh digunakan untuk mengenal pasti mana-mana organisasi yang efisien, malah mengenal pasti punca mengapa organisasi tersebut tidak efisien, dan bagaimana mengatasi masalah tersebut. Teknik ini juga boleh digunakan untuk menetapkan jumlah keperluan belanjawan tahunan organisasi tersebut.

Berbekalkan pencapaian ini beliau menanam cita-cita untuk terus memberi sumbangan dalam pelbagai bidang termasuk bagi mempromosi TLDM melalui interaksi akademik di Institut Pengajian Tinggi. Selain daripada itu, beliau juga mengendalikan projek khidmat masyarakat di sekolah-sekolah terutamanya di negeri Selangor, Perak dan Wilayah Persekutuan. Projek Khidmat masyarakat ini bertujuan untuk meningkatkan kecemerlangan kepimpinan, motivasi dan patriotisme di kalangan pelajar sejajar dengan hasrat negara untuk membangunkan generasi muda yang cemerlang.

Beliau menaruh harapan agar semua warga TLDM khasnya dan ATM amnya berusaha bagi mencapai kelayakan akademik yang setinggi mungkin. Pada masa ini, peluang yang diberikan oleh ATM untuk warganya meningkatkan taraf pendidikan adalah terbuka luas dan terserah kepada semua untuk merebutnya.

Lain ceritanya dengan **Lt Kdr Hj Mohd Isa bin Hj Yahaya** TLDM, Pegawai Staf 2 Pembangunan Teknologi Maklumat, Cawangan Teknologi Maklumat, Markas Tentera Laut. Memulakan karier sebagai anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) pada 27 April 1977 dan dihantar ke United Kingdom untuk menjalani kursus Perantis Kimpu. Seterusnya pada 1987, beliau melanjutkan pelajarannya di Universiti Teknologi Malaysia dalam bidang Diploma Kejuruteraan Elektrik. Setamat pengajian, beliau ditauliahkan sebagai seorang Pegawai Teknikal TLDM pada 1990 dengan menyandang pangkat Lt Dya TLDM. Sepanjang 24 tahun perkhidmatan di dalam TLDM, beliau telah diperjawatkan di beberapa unit TLDM seperti PUSTAKMAR dan KD PELANDOK. Manakala di kapal TLDM, Lt Kdr Mohd Isa pernah diperjawatkan di KD JERONG, KD MAHAWANGSA dan KD KASTURI.



Kursus Perantis Kimpu di UK

Beliau juga melengkapkan diri dengan mengikuti berbagai kursus dalam dan luar negara antaranya kursus Pembangunan Projek Perintis ILS TLDM, *Total Quality Management* dan *Intermediate/Advanced ICT Security*. Beliau juga pernah mengikuti kursus jarak jauh melalui The Institute City dan Guild of London dengan kelulusan *The Full Technological Certificate* (Electronic). Meneruskan peningkatan akademiknya dengan mengikuti pengajian separuh masa di Universiti Teknologi Malaysia dalam bidang Kejuruteraan Elektrik sehingga dianugerahkan Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik pada tahun 1999.

Minat beliau di dalam Teknologi Maklumat dan komunikasi (ICT) telah mencetuskan semangat untuk meneruskan pembelajaran dalam bidang ICT pula. Sebagai Pegawai Staf 2 Pembangunan Teknologi Maklumat, Markas Tentera Laut beliau telah dilantik sebagai salah seorang Tim Anugerah Kualiti TLDM (Bahagian IT). Pelbagai pencapaian dan kejayaan telah dikecapi di peringkat Kementerian dan Kebangsaan.

Selain berkecimpung dalam dunia ICT, Lt Kdr Mohd Isa juga sangat aktif dalam hal keagamaan. Dididik dan dibesarkan dengan ilmu keagamaan, beliau sering mengikuti berbagai kursus keagamaan seperti Kursus Perkadaran Dakwah, Kursus Imam dan Bilal dan Kursus Pengurusan Jenazah. Memandangkan pengetahuan keagamaan yang ada, beliau dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Bahagian Hal Ehwal Agama Islam KEMANTAH-LAUT (BAHEIK-Laut) dan Penasihat Surau Al-Mutakin, Rumah Keluarga TLDM.

Sesungguhnya, tanpa ilmu kejayaan pasti tidak akan tercapai. Jasa bakti yang dicurahkan bukanlah semata-mata timbul dari kewajipan tugas tetapi atas sifat tanggungjawab dan amanah terhadap agama dan negara tanpa sifat yang tidak mementingkan peribadi. **S**





TLDM MEMPELOPORI KEUPAYAAN HIDROGRAFI NEGARA

Kerja pengukuran dan menerbitkan carta laut perairan Malaysia telah dimulakan oleh Tentera Laut British semasa Malaysia berada di bawah pemerintahannya. Selepas kemerdekaan, bermula tahun 1964, Tentera Laut Diraja Malaysia telah mengendalikan cawangan hidrografi sendiri apabila Tentera Laut British tidak lagi berupaya mengekalkan aset mereka di kawasan Timur Jauh. Menyedari hakikat peranan dan tanggungjawab yang besar kepada negara maka dalam tahun 1965 kumpulan pertama Jurukur Hidrografi negara telah dihantar berkursus di Sekolah Hidrografi Diraja di Australia. Pada tahun 1969 Cawangan Hidrografi TLDM (CHTLDM) telah ditubuhkan secara rasmi dengan aset awalnya diubahsuai dari sebuah kapal bekas Kapal Penyapu Peruk Api yang dinamakan KD PERANTAU, untuk menjadi platform hidrografi pertama yang melaksanakan aktiviti pengukuran di perairan Malaysia. Ini diikuti dengan keputusan kabinet pada tahun 1972, di bawah perisytiharan Bilangan 443/

837/72 di mana CHTLDM adalah badan tunggal yang mewakili negara dalam bidang hidrografi dan segala kegiatan yang berkaitan dengannya. Malaysia menjadi anggota Pertubuhan Hidrografi Antarabangsa atau International Hydrographic Organisation (IHO) pada tahun 1975. Selaras dengan perkembangan ini, kerajaan Malaysia telah meluluskan

tempat dan dilengkapi dengan pelbagai kelengkapan untuk melaksanakan kerja pengukuran lautan dengan keupayaan terbatas di dalam bidang oseanografi. Dengan kemudahan dan keanggotaan yang masih terhad, CHTLDM telah berjaya melaksanakan kerja pengukuran dan menerbitkan carta pertamanya pada tahun 1984.



KD PERANTAU "baru" dibina pada 1998

CHTLDM terus berkembang dengan penubuhan Seksyen Kartografi pada tahun 1987, yang dipertanggungjawabkan untuk menerbitkan carta nautika. Ia diikuti dengan penubuhan Seksyen Oseanografi pada tahun 1990 untuk menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan bidang oseanografi dan meteorologi yang melengkapkan keupayaan dan peranannya sebagai pihak berkuasa pencartaan bagi carta nautika Malaysia dalam menjalankan pengukuran hidrografi, menerbitkan carta nautika dan segala keperluan lain di bidang oseanografi untuk keselamatan pandu arah maritim selain untuk keperluan pertahanan.

pembinaan sebuah Kapal Hidrografi pertama pada tahun 1977 iaitu KD MUTIARA. Ia telah dibina oleh limbungan

Selain bertanggungjawab bagi pihak kerajaan dalam menentukan nilai piawai dan ketepatan data yang akan digunakan, peranan utama CHTLDM adalah seperti berikut:

- Melaksanakan pengukuran secara sistematik dan mengurus data berkaitan rujukan geografi kepada pesisir pantai, kedalaman laut pembentukan dasar laut, pasang surut, arus dan sifat fizikal air laut.
- Memproses semua butiran data yang dikumpul dan menubuhkan pangkalan data untuk menerbitkan carta nautika dan publikasi pandu arah kelautan untuk tujuan pengurusan pesisir pantai, persempadanan kelautan dan kajian sains samudera berkenaan laut dan pantai bagi kegunaan operasi tentera laut dan pertahanan, pemuliharaan persekitaran laut, mengeksploitasi sumber marin serta pemasangan kabel dasar laut dan saluran paip.
- Memastikan terbitan carta semasa, pengedarannya dan mengemaskini segala pembetulan ke atas carta nautika.
- Memastikan maklumat untuk keselamatan pandu arah disebarkan melalui *Notice To Mariners* dari masa ke semasa.

Perisytiharan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu melalui *United Nation Convention on the Law of the Sea (UNCLOS)* pada 16 November 1994, yang menetapkan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) mencakupi kawasan sejauh 200 batu nautika dari pantai telah menambahkan keluasan perairan ZEE Malaysia menjadi 592,629 km persegi. Sekaligus kawasan tanggungjawab CHTLDM turut bertambah. Sesuai dengan keperluan ini, berbagai peningkatan dari segi keanggotaan dan peralatan terus dilakukan termasuk membina kapal hidrografi yang lebih moden. KD PERANTAU yang baru telah siap dibina pada tahun 1998 bagi membolehkan CHTLDM menumpukan pengukuran laut dalam dan di kawasan ZEE.

Semenjak 1984, sebanyak 122 carta nautika telah diterbitkan terutamanya carta laluan masuk ke pelabuhan dan pesisir pantai. Tumpuan khusus telah diberikan terhadap carta berskala sederhana yang meliputi laluan perkapalan yang sibuk terutama di Selat Melaka. Dalam masa yang sama proses menyiapkan siri carta berskala sederhana bagi kawasan pantai barat Semenanjung Malaysia juga turut diteruskan. Begitu juga dengan kerja menerbitkan semula carta lama yang menggunakan ukuran fathom kepada ukuran metrik. Selain itu, sesuai dengan persetujuan perhimpunan IMO ke-19 pada tahun 1995, CHTLDM turut memberi tumpuan di dalam menerbitkan carta elektronik yang digunakan untuk *Electronics*.



KD MUTIARA mula berkhidmat sejak 1978

Chart Display and Information System (ECDIS).

CHTLDM dianggotai oleh pegawai dan anggota dari cawangan eksekutif atau pelaut yang berkecualan dalam bidang hidrografi. Pegawai-pegawai hidrografi dipilih dari pegawai muda yang mempunyai pengalaman selama 1 hingga 2 tahun berkhidmat di kapal-kapal. Mereka yang berminat juga perlu memiliki Sijil Awasan Anjungan dan Sijil Pandu arah Samudera. Sebelum dipilih untuk mengikuti kursus kepakaran hidrografi, mereka diperlukan untuk menghadiri kursus Pra Kelayakan selama dua minggu di unit-unit hidrografi. Mereka yang layak dan terpilih akan dihantar menjalani kursus asas Jurukur Hidrografi (IHO-FIG Category B) yang dilaksanakan di universiti tempatan iaitu di Universiti Teknologi Malaysia atau sebarang laut di Australia, Amerika Syarikat, Canada, Jepun, India, United Kingdom dan Itali. Setelah tamat kursus mereka akan diperjawatkan di kapal-kapal hidrografi TLDM untuk tempoh 3 ke 5 tahun. Ini bagi memberikan pengalaman praktikal di medan ukur sebelum boleh dipilih untuk menghadiri kursus lanjutan Jurukur Hidrografi (IHO-FIG Category A) yang dijalankan di Universiti Teknologi Malaysia, United Kingdom atau India.

Anggota CHTLDM pula perlu menjalani kursus dan latihan di Fakulti Hidrografi Kolej Tentera Laut sebelum diiktiraf sebagai Teknisyen Ukur yang berkecualan. Mereka perlu melalui tiga peringkat kursus yang mengambil masa selama satu setengah tahun. Apa yang menarik, semua kursus yang dijalankan di sini memenuhi keperluan

kelayakan Perkhidmatan Awam Malaysia dibawah penarafan MS ISO.

Selaras dengan peningkatan dan berbagai perubahan yang bakal dialaminya, CHTLDM perlu mempertingkatkan pengambilan pegawai dan teknisyen ukur hidrografi terutama untuk memastikan ketiga-tiga cabang utamanya iaitu Hidrografi, Kartografi dan Oseanografi dapat bergerak seiring dengan keperluan semasa dan masa hadapan.

Cawangan Hidrografi bakal mengalami beberapa perubahan pada akhir abad ini. Ianya akan memberi kesan kepada keperluan jenis-jenis data, penghasilan yang perlu dibuat, keupayaan menguasai teknologi dan hubungan dengan kerajaan serta dunia komersial. Hubungan dan persefahaman yang terjalin dari generasi ke generasi merupakan cabaran yang harus dipikul bersama. Antara rancangan pembangunan masa hadapan CHTLDM ialah cadangan untuk memperoleh sebuah kapal Oseanografi yang baru serta menubuhkan empat buah lagi Pejabat Hidrografi Serantau untuk memenuhi berbagai keperluan negara dan ATM di bidang ini. Selain dari itu, menjelang tahun 2005, CHTLDM akan dipindahkan ke lokasi baru di Pulau Indah, Pelabuhan Klang dan bakal beroperasi sebagai Pusat Hidrografi Negara. **S**





KD LAKSAMANA TUN ABDUL JAMIL

"Lincih Menangkis Ancaman"

KD LAKSAMANA TUN ABDUL JAMIL dibina di Fincantieri CNI S.p.A La Spezia, Itali dan ditauliahkan bersama KD LAKSAMANA HANG NADIM ke dalam TLDM pada 28 Julai 1997. Kedua buah kapal ini kemudiannya disertai oleh KD LAKSAMANA MUHAMMAD AMIN dan KD LAKSAMANA TAN PUSMAH pada tahun 1999 yang digabungkan menjadi Skuadron Korvet Ke-24. Kapal yang dikategorikan sebagai jenis korvet ini dilengkapi dengan pelbagai sistem persenjataan canggih yang berkeupayaan di dalam semua dimensi peperangan maritim iaitu peperangan paras permukaan, peperangan atas permukaan (udara), peperangan bawah air (anti kapal selam) dan peperangan elektronik. Keanggotaan kapal ini terdiri dari 56 pegawai dan warga kapal yang pakar dalam bidang masing-masing dan terlatih untuk mengendalikan pelbagai peralatan canggih.

Nama TUN ABDUL JAMIL diambil sempena nama pahlawan Melayu Johor di zaman pemerintahan Sultan Abdul Jalil pada tahun 1623 hingga 1677, Laksamana Tun Abdul Jamil. Beliau

merupakan seorang yang memainkan peranan penting dalam membangunkan kembali ekonomi dan perdagangan Johor. Keris, panah dan rentaka merupakan senjata utama ketika itu yang digunakan semasa menentang musuh di laut. Keagungan dan kegagahan ini menjadi pertaruhan TLDM meletakkan TUN ABDUL JAMIL sebagai nama kapal manakala keris, panah dan rentaka menjadi lambang rasminya.

Selama enam tahun, KD LAKSAMANA TUN ABDUL JAMIL bersama kapal-kapal dalam armada TLDM telah mengharungi lautan dan menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran demi memelihara kedaulatan perairan negara. Selain dari melaksanakan berbagai operasi, kapal ini turut mengambil bahagian secara aktif di dalam berbagai siri eksekusi dengan tentera laut asing. Melalui pelbagai siri eksekusi yang disertai, kemahiran dan kecekapan krewnya terus diuji dalam mengendalikan pelbagai senario konflik yang disediakan.

Ciri-ciri utama kapal ini ialah; Panjang - 62.3 meter, Lebar 9.3 meter, Berat/Sesaran - 705 tan, Laju Maksima - 36 knot, Jarak

Beroperasi di laut bersama
KD LAKSAMANA HANG NADIM (134)



Jangkauan 3200 batu nautika pada kelajuan 14 knot. Ia digerakkan oleh 4 buah enjin jenis MTU V26 DIESEL yang dihubungkan dengan 4 kekipas. Kapal ini mempunyai fungsi dan peranan tertentu yang boleh dibahagikan kepada situasi berikut:

SEMASA PERANG

- Bertindak sebagai kapal penyerang dan beraksi sebagai aset penting terhadap cegah-rintang.
- Melaksanakan tugas mengiringi.
- Mengawal dan menguasai laluan perhubungan laut (SLOC).
- Melaksanakan bantuan penembakan (NGFS).

SEMASA AMAN

- Melaksanakan ekseksai dan latihan persiapan untuk waktu perang.
- Melaksanakan operasi mencari dan menyelamat apabila wujud keperluan.
- Menunjukkan kehadiran di perairan negara dengan melaksanakan tinjauan dan pemantauan perairan maritim negara membantu menguatkuasakan undang-undang maritim sebagaimana yang diperuntukan.

Menurut Pegawai Memerintah, Kdr Razali bin Md Ali TLDM, sepanjang tahun 2003 penglibatan KD LAKSAMANA TUN ABDUL JAMIL dengan pelbagai ekseksai sama ada yang melibatkan TLDM mahupun multilateral telah membolehkan beliau menilai tahap kesiapsiagaan kapal dan warganya di dalam menempuhi situasi waktu aman dan konflik. Antara operasi dan ekseksai yang telah disertai ialah OSTEX 1/2003 yang diadakan di Selat Melaka, lawatan operasi ke Phuket, Thailand dan terbaru Ekseksai KERISMAS 23/03 di Laut China Selatan. Kapal ini juga merupakan pemenang Piala Ahmad Kamal iaitu piala rebutan Korvet Ke-24.

Penderia dan Sistem Persenjataan:

- **Radar RAN 12L/X** - Radar jarak sederhana berfungsi mengesan konteks udara dan permukaan.
- **NA 21** - Radar kawalan persenjataan yang diintegrasikan dengan sistem misil serta meriam bagi mengawal penembakan meriam 76mm, 40/70mm dan sistem misil anti udara Albatros.
- **Dardo** - Sistem pertahanan kapal jarak dekat (CIWS) yang berkeupayaan menangkis serangan misil musuh menggunakan meriam 40/70mm pada kadar tembakan yang tinggi.
- **Sonar ASO 84-41** - Pengesan konteks bawah air terutama kapal selam.

Penderia dan Sistem Persenjataan:

- **Misil Otomat** - Misil anti kapal yang berupaya memusnahkan sasaran sehingga jarak 180 km.
- **Misil Aspide** - Misil anti udara yang berupaya memintas dan memusnahkan pesawat serta serangan misil musuh ke atas kapal sendiri.
- **Pelancar Torpedo ILAS 3** - Berupaya menembak kapal selam menggunakan torpedo jenis A244s dengan bantuan Sonar ASO 84-41.
- **Meriam 76mm Super Rapid** - Berupaya menembak sasaran udara dan permukaan serta memberi bantuan tembakan ke daratan sehingga jarak 15 km.
- **Meriam 40mm Twin Compact** - Mampu menembak sasaran permukaan dan menangkis serangan udara dan misil pada jarak dekat (CIWS).
- **Chaff** - Senjata pemusnahan lembut dengan teknik membentuk kontek palsu yang mengelirukan sistem pengesanan musuh.



Ujian Penembakan "Drill Torpedo"

KD LAKSAMANA TUN ABDUL JAMIL selaku kapal terkanan di dalam Skuadron Korvet Ke-24 akan terus memastikan bahawa wawasan untuk menjadi sebuah skuadron yang mampan, komited, cekap dan disegani akan dapat dicapai. Usaha berterusan akan dijalankan untuk menentukan kesiapsiagaan operasi yang tinggi, kecekapan dan keberkesanan skuadron dikekalkan menerusi latihan yang berterusan. KD LAKSAMANA TUN ABDUL JAMIL sentiasa bersedia dalam segala aspek untuk melaksanakan tugas yang diamanahkan bagi melindungi kepentingan maritim Malaysia semasa aman dan memastikan kemenangan armada TLDM semasa perang. **S**

Perbahasan berkaitan dengan komposisi dan guna tenaga Pasukan Tetap dan Simpanan telah menjadikan satu isu utama di dalam perkembangan pertahanan negara. Pengujudan satu polisi ketenteraan yang menyeluruh adalah perkara utama yang sering dibincangkan. Dasar pengembangan dan pengambilan anggota Pasukan Simpanan Tentera Laut (PSTL) dilakukan dari masa ke semasa, PSTL terus berkembang dari 3 unit kepada 10 unit sekarang dan akan terus bertambah. Matlamat kerajaan mencapai nisbah 3:1 iaitu tiga anggota PSTL kepada satu anggota tetap dijangka dapat dicapai menjelang akhir dekad ini.

PERUBAHAN BUDAYA - SATU KEMESTIAN

Perkara penting atau langkah pertama yang perlu diselaras ialah mengubah budaya dua komponen utama tentera laut iaitu Pasukan Tetap dan Pasukan Simpanan untuk menambahkan keberkesanan konsep pasukan yang menyeluruh. Ini bermaksud, perubahan ini mestilah meliputi aspek kepercayaan, nilai dan wawasan setiap komponen selaras dengan keupayaan dan kemahiran yang dimiliki anggota kedua-dua komponen ini.

'To study strategy in history, one must be alert to different times, different outlooks, different ideas, different problems, different mind-sets, different capabilities, different decision-making structures, and different technologies. All of these dissimilarities show us that the past is often not a precise model to follow. Despite the contrasts between past and present, however, one can perceive some broad, recurring characteristics, issues, and problems that arise for maritime strategists in the range of action and roles that they consider. From these, one can outline a broad concept of maritime strategy' - John B. Hattendorf.

Ketidakpercayaan dan tidak yakin di antara pasukan tetap dan pasukan simpanan adalah halangan utama kepada perubahan ini. Kerjasama dan saling mempercayai adalah paksi pasukan yang menyeluruh. Sikap tidak yakin terhadap pasukan simpanan ini akan mengakibatkan 'dysfunctional'. Suka atau tidak, perlu diakui PSTL telah beransur maju dan mula memainkan peranan penting dalam pertahanan negara. Untuk tujuan ini mobilisasi perlu dipergiatkan untuk meningkatkan tahap profesionalisme anggota PSTL. Bagi mencapai matlamat ini pasukan tetap mesti memainkan peranan yang utama dalam melatih dan menguji tahap kesiapsiagaan pasukan simpanan. Melatih dan menilai pasukan simpanan dengan fasilitas yang sama akan meningkatkan keyakinan pada pasukan tetap untuk berganding bahu mempertahankan perairan negara.

Kejayaan penglibatan anggota PSTL dalam Tentera Laut akan menambahkan kebolehan mereka. Melalui mobilisasi, kesiapsiagaan anggota PSTL akan sentiasa teruji dan terbukti samada menepati kehendak organisasi selain mengetahui kelemahan-kelemahan yang perlu diperbaiki.

MOBILISASI - POLISI DAN REALITI

'The purpose of the Naval Reserve is to provide trained units and qualified persons to be available for active duty in the Naval Forces, in times of war or national emergency, or when



MOBILISASI PSTL: CABARAN DEKAD INI

Oleh : Lt S.Veerakumar PSTLDM
KD SRI MANJUNG

otherwise authorized by law' - US Navy.

Dalam mana-mana penstrukturan semula, perkara lalu yang perlu diambil kira ialah kesediaan menghadapi kemungkinan (eventualities). Konsep yang ada dalam PSTL pada masa kini tidak menjurus kepada mobilisasi. Ini secara tidak langsung mencerminkan kegagalan fasa-fasa latihan Pasukan Simpanan Sukarela (PSS) iaitu Latihan Mingguan, Latihan Lanjutan dan Latihan Tahunan. Ini juga adalah kerana kegagalan kita mengenal peranan fundamental PSTL iaitu menyediakan asas mobilisasi (Mobilization Base) untuk menghadapi peperangan. Peranan yang sedemikian mestilah diutamakan dalam perancangan dan pelan mobilisasi mestilah dilengkapkan sewajarnya sebelum sesuatu boleh dirancang.

Untuk menjayakan pelan ini, sejumlah anggota PSS yang terdiri dari Pasukan Simpanan Tetap (bekas tentera) dan PSS mestilah diwujudkan. Negara telah membelanjakan sejumlah besar wang dalam melatih anggota tentera dan sewajarnya ia menerima pulangan dari pelaburan tersebut. Konsep Pasukan Simpanan Tetap (PST) yang dianggotai bekas tentera secara automatik yang telah mula diamalkan merupakan satu titik tolak yang amat bermakna dan dialu-alukan. Dengan cara ini, PSTL akan sentiasa mempunyai satu pasukan yang mempunyai anggota PST dan PSS yang terlatih. Mereka yang terpilih boleh dikerah semasa keadaan darurat atau pada masa kecemasan. Pada masa yang sama anggota PSS yang lain mestilah digunakan dari masa ke semasa dan diaugmen bagi tugas-tugas pengaman (peacekeeping) dan lain-lain operasi yang memerlukan PSS yang terlatih. Peranan ini bukan sahaja membantu Pasukan Tetap untuk melaksanakan operasi mereka malahan akan menjadi medan latihan yang paling baik. Ini akan membantu anggota PSS untuk mempertajamkan kemahiran dan pengetahuan mereka.

Apabila disebut peranan Pasukan Simpanan Tentera Laut, timbullah dua konsep yang telah sebatil selama ini, yang pertama ialah konsep 'mensuplemen (to augment)' angkatan tetap dan yang kedua ialah sebagai tenaga ganti (re-enforcement).

Dalam keadaan negara yang aman dan makmur serta tiada ancaman yang nyata dari mana-mana pihak, masalah kekurangan anggota tetap terus meruncing. Dengan sebab itu, peranan PSS, 'to augment' dan 're-enforcement' tidak lagi relevan. Mobilisasi merupakan perkara yang perlu diberi penekanan. Selaras dengan hasrat pertahanan negara untuk mewujudkan nisbah 1:5, dicadangkan peranan PSTL digantikan kepada bentuk Mobilisasi Berperingkat. Kertas Putih Kerajaan Kanada berkaitan dengan mobilisasi boleh dijadikan panduan. Rangkakerja tiga peringkat untuk mobilisasi diperkenalkan dengan tujuan untuk meningkatkan peranan PSS secara berperingkat melalui satu transisi yang teratur dari operasi-operasi pengaman ke peringkat penglibatan yang lebih serius atau kemuncaknya ialah mobilisasi menyeluruh PSTL (*total national mobilization*).

Struktur dan organisasi yang dicadangkan pada peringkat pengurusan adalah berdasarkan konsep mobilisasi tentera Amerika Syarikat. Struktur organisasi mobilisasi ini boleh dijadikan sebagai panduan untuk mencorakkan organisasi mobilisasi PSTL. Mobilisasi adalah satu konsep yang amat luas dan dengan penstrukturan semula organisasi dan operasi, ia pasti mampu direalisasikan.

Rancangan mobilisasi ini mestilah dikaji dari rangkakerja konseptual dan struktur serta peranan PSTL juga harus diubahsuai selaras dengan keperluan pertahanan negara.

Rangka kerja yang dicadangkan ialah:

1. Peringkat Mobilisasi Penyediaan. Peringkat untuk menyediakan komponen dan elemen bagi melatih dan menyiapkan anggota PSTL untuk dimobilisasi serta berganding bahu dengan pasukan tetap. Pasukan tetap pula akan membantu proses penyediaan dengan melibatkan anggota PSTL dalam operasi-operasi mereka berdasarkan kepada penglibatan di peringkat wilayah. Contohnya: KD SRI MANJUNG di pangkalan TLDM Lumut, PSTL Chendering dan Nukleus SRI KUANTAN di Markas Wilayah Laut 1 dan seterusnya.

2. Peringkat Mobilisasi Kepakaran. Penglibatan yang lebih menyeluruh dan melibatkan penyertaan lebih ramai anggota PSTL dan pasukan tetap. Dalam peringkat ini peningkatan kemahiran anggota PSTL diperhebatkan melalui pergandingan dengan pasukan tetap. Pada peringkat awal, penubuhan unit-unit khas adalah penting.

Penglibatan mereka adalah dalam operasi-operasi yang lebih serius dan komprehensif yang mungkin melibatkan perubahan kepada peranan, struktur dan penugasan pasukan tetap. Pada peringkat ini pembangunan fasiliti juga perlu diberi perhatian. Mobilisasi pada peringkat ini juga boleh menjuruskan anggota PSS kepada 'specialization' tertentu. Melalui mobilisasi, anggota akan diberi tugas yang khusus yang membolehkan seseorang anggota tahu 'tempat'nya apabila dimobilisasi. Anggota tidak perlu lagi menunggu arahan pembahagian tugas dari pihak atasan dan hanya perlu melapor ke bahagian yang berkenaan untuk terus memulakan tugasannya.

3. Peringkat Mobilisasi Utama. Peringkat mobilisasi yang menyeluruh iaitu semasa darurat atau perang diisytiharkan. Selaras dengan Akta Angkatan Tentera 1972, ia akan melibatkan semua anggota PSTL yang akan berganding bahu dengan anggota tetap bagi mewujudkan satu pasukan tentera Laut yang mampan dan mantap. Pada peringkat ini, semua aspek pertahanan yang telah dipraktikkan pada peringkat terdahulu diaplikasikan sepenuhnya.

Ke Arah Pertahanan Menyeluruh - HANRUH

Dasar Pertahanan Negara menekankan konsep Pertahanan Menyeluruh (HANRUH). Dalam konsep ini pasukan simpanan memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya. Perubahan dan

penambahbaikan dalam struktur dan organisasi sedia ada amat perlu bagi mewujudkan asas yang kukuh tuntutan mobilisasi pada masa hadapan. **Perubahan tidak pernah senang dan tidak ada masa yang sesuai untuk berubah.**

Dalam senario konflik dunia masa kini, adalah wajar jika kita melihat dan mencontohi amalan kuasa-kuasa besar ketenteraan yang mengoptimalkan pasukan simpanan dan diletakkan seiringan dengan pasukan tetap. PSTL perlu dilatih dan dipersiapkan melalui rangka kerja mobilisasi. Berlatih untuk menjadi pasukan 'kelas kedua' tidak akan merangsang kemajuan ke arah pencapaian yang lebih tinggi dalam strategi peperangan moden yang semakin mencabar.

Pasukan Simpanan Tentera Laut yang siap sedia untuk diaturgerak tidak sepatutnya disimpan hanya sebagai lapisan kedua. Adalah penting bagi Pasukan Simpanan Tentera Laut mempunyai matlamat dan peranan yang jelas supaya struktur dan dasar latihannya dapat disusun dengan lebih kemas dan berkesan. Untuk tujuan ini adalah penting setiap unit pasukan Simpanan Tentera Laut mempunyai pucuk kepimpinan yang dinamik, mampu mengarah, merancang dan memimpin pasukannya sebagai satu pasukan pertahanan yang boleh diharapkan walaupun keanggotaannya terdiri dari anggota sukarela.

Perkara ini perlu diberi perhatian yang serius kerana akan tiba masanya apabila jumlah pegawai dan jurulatih dari angkatan tetap tidak mencukupi untuk disalurkan kepada Pasukan Simpanan Tentera Laut. Dalam keadaan ini kepimpinan Pasukan Simpanan Tentera Laut di setiap lapisan formasi perlu mengambil alih tanggungjawab untuk mengurus dan melatih pasukan sendiri. Dalam hal ini juga, Pasukan Simpanan Tetap (PST) perlu dimobilisasi untuk menjadi tenaga pengajar dan membimbing PSS bagi mencapai tahap yang diperlukan. Kepimpinan secara 'guest' atau 'tangkap muat' tidak sepatutnya diberi tempat dalam pasukan simpanan negara ini.

KESIMPULAN

'Volunteering becomes a business and must be done with commitment, even if part-time, and Commanders at all levels should be seen to exercise their power of command on their respective units for which they are responsible'.

Mandat untuk mewujudkan satu sistem mobilisasi yang berkesan kini ditanggung oleh Markas Tentera Laut (Simpanan). Kompleksiti dalam pengubahsuaian struktur organisasi PSTL agar pelan mobilisasi ini direalisasikan sudah dirasai. Pelaksanaan mobilisasi ini pasti akan menghadapi pelbagai kekangan dan kesulitan tetapi ia harus diambil sebagai cabaran untuk melahirkan satu PSTL yang mantap. Idea-idea baru perlu dijana dari pelbagai pihak termasuk dari anggota pasukan tetap dan simpanan berdasarkan kompleksiti perhubungan antara kedua komponen ini.

Memperkemas dan menambahbaik pengurusan PSTL akan meningkatkan kesiapsiagaan dan kebolehan untuk melaksanakan tugas-tugas ke satu standard yang diperlukan. Pertahanan negara tidak wajar diletakkan di bahu pasukan tetap sahaja, bahkan ia adalah menjadi tanggungjawab setiap warga tanahair ini. Pasukan simpanan adalah platform yang paling sesuai untuk mencapai seruan kerajaan dan menjayakan konsep HANRUH. **S**

Right Reservist, Right Equipment, Right Place, Right Time, EVERY TIME!

Lt S. Veerakumar PSSTLDM ialah seorang guru di Sek. Men. Raja Shariman, Beruas, Perak. Beliau menyertai PSSTLDM pada 1 Februari 1994 dan kini ditugaskan sebagai Ketua Jabatan Latihan di KD SRI MANJUNG.

tali menali


Oleh: BK PBS (I) Sabarudin

Tali menali adalah sesuatu yang sangat sinonim dengan Tentera Laut Diraja Malaysia dan amat penting sebagai mata pelajaran dalam ilmu kelautan. Tali menali ialah antara kerja seharian anak-anak kapal yang bersangkutan dengan ikatan dan simpulan dengan menggunakan jenis-jenis tali tertentu. Para jurulatih selalu menekankan kepada setiap anggota terutama dari Cawangan Kelasi mengenai kepentingan tali dalam kerja-kerja ikatan. Justeru, anggota disaran supaya belajar mengetahui dan memahirkan diri dengan kerja-kerja ikatan dan simpulan. Anggota juga perlu

mengetahui kegunaan serta dapat membuat sesuatu ikatan pada tempat yang sesuai di samping untuk keselamatan barang-barang dan anggota yang bekerja sama ada di kapal mahupun di pangkalan.


Berbagai jenis ikatan dan simpulan dapat dipelajari dan digunakan dalam TLDM meliputi penggunaan tali kecil sehinggalah tali besar dan *wire rope* untuk pelbagai tujuan dan kegunaan. Selain dari itu, ianya juga biasa digunakan dalam evolusi di kapal. Untuk ruangan kali ini, dipaparkan beberapa jenis ikatan yang biasa digunakan dalam TLDM.

1. Reef Knot:




Ikatan '**Buka Sila**' ini mengandungi 2 *overhand knot* dibuat berturut-turut. Ia digunakan bagi menyambung 2 tali yang sama besar. Ikatan ini selalu diamalkan dan dipraktikkan dikapal-kapal sewaktu melakukan kerja harian atau evolusi yang melibatkan kerja penyambungan tali. Bagi kegunaan umum, ia berfungsi untuk mengikat kain pembalut luka dan untuk mematikan ikatan barang. Kedua-dua punca atau hujung tali tersebut senang dibuka semula.

2. Timber Hitch:



Ikatan ini dipanggil '**Lilit Balak**'. Digunakan bagi tujuan pemindahan barang dengan mengikat tali pada kayu atau batang yang besar supaya tidak licin atau mengelonsor. Ikatan ini tidak terhad pada barang seperti kayu sahaja malah boleh digunakan pada pelbagai barang lain berbentuk guni dan seumpamanya.



3. Clove Hitch:



Ikatan ini lebih dikenali dengan panggilan '**Simpul Manok**'. Ianya adalah ikatan asas di mana ia diikat pada sebatang kayu atau sebagainya. Digunakan dalam kerja-kerja seharian sebagai ikatan permulaan bagi semua kerja tali-menali dalam pelbagai evolusi di darat atau di kapal.

4. Bowline:

Ikatan '*Tindih Kasih*' ini adalah untuk membuat Mata Tali sementara pada semua ukuran tali seperti *Heaving Line* ke *Hawser*, tali penyelamat dan sebagainya. (*Heaving Line* ialah sejenis tali balingan yang digunakan dikapal). Berfungsi sebagai tali keselamatan bagi anggota yang melakukan kerja di tempat tinggi atau tepian kapal dengan mengikat ikatan ini ke badan. Bagi kegunaan umum, ikatan ini kebiasaanya diguna untuk mengikat leher binatang supaya tak terjerut dan membuat lubang tali yang tak menjerut bagi mengangkat mangsa atau binatang ke atas seperti kucing terjatuh ke dalam telaga.




5. Sheep Shank:

Lebih dikenali dengan ikatan '*Simpul Pulih*'. Digunakan untuk tujuan memendekkan bahagian tengah tali sementara tanpa perlu memotongnya. Biasa digunakan pada tali bersaiz kecil sahaja dan tidak sesuai pada tali '*Hawser*'. Ia juga digunakan untuk menguatkan bahagian tali yang tak kukuh.


6. Hawser Bend:

Ikatan ini digunakan untuk menyambung 2 tali yang sama besar yang mana bahagian hujung talinya telah di seizing dengan tali manila atau benang bersaiz halus bagi tujuan kekemasan dan ketahanan *Hawser* bila ditarik atau menerima tekanan.



7. Common Whipping (Passing a flat Seizing)

Ikatan '*Silang Gunting*' ini dimulakan dengan ikatan *Simpul Manok* pada sebatang kayu, dengan membelitkan pada kedua-dua batang kayu tersebut dengan ketat. Kemudian belitkan tali dicelah kayu beberapa kali supaya lebih ketat seperti rajah yang ditunjukkan di atas. Ikatan ini ialah bagi membuat jambatan sementara, menara, tiang Bendera dan menyambung kayu.





PROFESION: PILIHAN

sertai Tentera Laut Diraja Malaysia

Tentera Laut Diraja Malaysia adalah tonggak pertahanan perairan Negara. Ia menawarkan pelbagai peluang pekerjaan seperti akauntan, juruteknologi maklumat, pegawai hidrografi, teknikal marin dan pelbagai lagi jawatan untuk pegawai serta taskar yang berkhidmat dalam satu organisasi yang mantap. Tentera Laut Diraja Malaysia memberi anda peluang untuk belayar melihat dunia dan menjanjikan pengalaman yang mencabar, kestabilan kerjaya serta pelbagai kemudahan lain demi masa depan keluarga dan diri anda.



Ketenteraan satu profesyen yang "mulia"

- Petikan Khutbah Jumaat Sempena Sambutan Hari TLDM Yang
Disampaikan Oleh Laksamana Datuk Mohd Ramly bin Abu Bakar,
Panglima Tentera Laut.

**Perajurit
sekalian yang
dimuliakan,**

Dua hari lagi, Insya Allah, kita akan menyambut hari ulang tahun Tentera Laut Di Raja Malaysia ke-69 dengan tema **"ILMU DAN KUALITI UNTUK BERJAYA"**. Khatib menyeru sidang Jumaat selaku muslimin yang berilmu untuk sentiasa bersyukur ke hadrat Allah Taala atas segala nikmat, antaranya, kita masih dapat mengekalkan keamanan negara kita yang tercinta sehingga hari ini.

Banyak hadis yang menekankan kepentingan masyarakat sesama Islam, melalui sifat bersatu-padu, kasih sayang, belas kasihan dan bantu membantu. Surah Al-Fath ayat 29 pula membawa maksud: "Demikianlah sifat mereka yang tersebut di dalam Taurat dan Injil bahawa mereka diibaratkan sebagai pokok tanaman yang mengeluarkan anak tunasnya, lalu anak dan tunasnya menyuburkannya sehingga menjadi kuat, lalu ia tegap berdiri di atas pangkal dengan keadaan yang mengkagumkan orang yang menanamnya". Walaupun mengeluarkan hasil yang berbeza namun masing-masing individu dapat memberi manfaat kepada manusia. Begitulah hakikatnya di dalam masyarakat, terdapat pelbagai golongan manusia termasuk cendekiawan, pentadbir, profesional, usahawan, petani dan, tidak kurang pentingnya, golongan tentera. Walaupun bidang tugas berlainan tetapi kesemuanya saling memerlukan antara satu sama lain dan amat penting bagi keamanan dan kesejahteraan masyarakat.

Bidang ketenteraan merupakan suatu profession yang disanjung tinggi oleh Islam dan masyarakat. Tugas kita memastikan keselamatan negara dan agama, termasuk dalam jihad Fi-sabilillah, sekiranya ia dilaksanakan dengan penuh amanah serta mengikut peraturan-peraturan yang ditentukan oleh Islam. **Jihad untuk menjadikan negara aman adalah Fardu Kifayah, malah menjadi Fardu Ain sekiranya negara dinodai dan dicerobohi.** Mengangkat senjata dibenarkan dalam Islam hanya untuk bertujuan membela agama Islam dan menjaga maruah umatnya.

Sebagai anggota TLDM khasnya, dan ATM amnya, kerjaya ini menagih pengorbanan besar yang tidak ternilai harganya. Bidang ini memerlukan tuntutan jihad serta perjuangan yang ikhlas dan jitu bukan semata mata sebagai mata pencarian yang juga menjadi kewajipan kita. Untuk mencapai kemenangan di dalam sesuatu perjuangan kita boleh merujuk kembali sejarah kegemilangan Islam pimpinan Rasulullah S.A.W. Kemenangan demi kemenangan dicapai oleh tentera baginda dan hasilnya Islam tersebar keseluruh dunia.

Kekuatan rohani merupakan faktor utama bagi mencapai kemenangan sesuatu perjuangan. Sejarah membuktikan kekuatan rohani bertunjangkan iman dan takwa menguatkan pendirian individu, menambahkan ketabahan dalam menempuh rintangan serta membentuk peribadi untuk rela berkorban mempertahankan agama dan tanahair. Untuk memperolehi kekuatan rohani yang dihiasi iman dan takwa maka timbullah kewajipan untuk kita menuntut ilmu.

Carilah ilmu sebanyak mungkin; baik ilmu khusus di bidang agama,

mahu pun ilmu dunia, selagi hayat dikandung badan. Banyak lagi hadis Rasulullah S.A.W yang menekankan pentingnya ilmu dalam kehidupan kita semua. Namun begitu, **ilmu yang**

dituntut perlulah diamalkan. Jika tidak, ia tidak akan memberi sebarang faedah.

Sebagai suatu organisasi yang bertanggungjawab bagi pertahanan maritim negara, kita sebenarnya memikul suatu amanah yang diberi oleh kerajaan yang berasaskan mandat rakyat jelata. Dengan hal yang demikian, selain dari menimba ilmu serta mengamalkannya dengan sempurna, wajib juga kita menegakkan amanah itu. Setiap anggota tanpa mengira pangkat dan kedudukan perlu amanah dan tidak sekali-kali menyalahgunakan kuasa, saling hormat menghormati, menepati masa serta berkelakuan sempurna selaras dengan akhlak Islam.

Dengan demikian bukan sahaja harapan serta sanjungan masyarakat dapat kita kekalkan, tetapi kita akan juga digeruni oleh pihak musuh. Selain memiliki kekuatan fizikal dengan segala peralatan dan teknologi canggih, kita juga memiliki kekuatan shah-siah, berakhlak mulia serta mempunyai keterampilan atau jati diri yang membanggakan serta murni di sisi Islam.

Alhamdulillah, negara kita aman, maju, stabil di bidang politik, cekap dengan pengurusannya, kaya raya dengan sumber alam kurniaan Allah SWT, dan kukuh ekonominya. Semua nikmat ini boleh membangkitkan perasaan cemburu di kalangan negara asing terutama yang kuat yang boleh mengambil kesempatan sekiranya pertahanan negara lemah dan rapuh. Kita tidak rela agama dan negara kita ditindas atau diperkosa seperti yang berlaku di Afganistan, Palestin dan Iraq. Justeru, saudara-saudara sekalian, mulai detik ini marilah kita sama-sama memperbetulkan matlamat serta niat kita dalam menyertai profesyen ketenteraan yang mulia ini. Dengan kata lain, kita mesti bersedia sentiasa dengan ilmu dan disiplin yang sempurna untuk bertindak bagi mempertahankan keselamatan dan maruah negara serta agama kita ini.

Marilah kita bersama-sama sentiasa ingat dan bertakwa kepada Allah SWT. Apa maknanya taqwa? Taqwa bermaksud kita perlu patuhi segala perintah Allah, dan tinggalkan segala laranganNya. Sesungguhnya berbahagialah orang yang bertakwa kepada Allah SWT.

Marilah kita menghitung diri kita, sebelum kita dihitungkan di hadapan Allah Taala seperti firman Allah Taala yang bermaksud:

"Di hari yang tidak memberi manfaat oleh harta benda dan anak pinak melainkan mereka yang datang kepada Allah Taala dengan hati yang sejahtera".

Marilah kita bersungguh-sungguh patuhi dan taat kepada kitab Allah dan sunnah Rasulullah S.A.W, semoga kita tidak sesat dan tidak terpesong dari jalan Allah. Marilah kita di hari yang mulia ini dan pada tiap-tiap hari dan masa lapang berselawat ke atas Nabi Muhammad S.A.W serta keluarganya yang membawa petunjuk dan rahmat kepada kita sekalian. **S**

EKSESAIS FLYING FISH 2003

UJI KEMAMPUAN NEGARA FPDA

Kelibat kapal-kapal perang dan pesawat-pesawat pejuang di Perairan Laut China Selatan berhampiran persisiran pantai di sebelah timur Semenanjung Malaysia pasti menimbulkan keresahan masyarakat awam. Ia seolah-olah sedang berlaku suatu konflik ketenteraan yang cuba disembunyikan dari pengetahuan umum. Jangan panik! Semua ini hanyalah satu latihan besar-besaran yang menggabungkan pelbagai elemen dan melibatkan angkatan tentera dari banyak negara. Sebenarnya, TLDM sekali lagi telah diberi penghormatan untuk mengendalikan Eks Flying Fish 03 yang melibatkan gabungan angkatan laut dan udara negara *Five Power Defence Arrangement* (FPDA) iaitu Australia, Britain, Malaysia, New Zealand dan Singapura. Ekseksais ini telah berlangsung dari 21 Jun hingga 5 Julai 2003 di sekitar Laut China Selatan.


Sejumlah 23 kapal dan 78 pesawat yang melibatkan kira-kira 2,703 anggota dari negara FPDA telah mengambil bahagian dalam latihan selama 3 minggu ini. Lapan buah kapal TLDM telah menyertai ekseksais iaitu KD JEBAT, KD LEKIU, KD KASTURI, KD SRI INDERA SAKTI, KD MAHAMIRU, KD JERAI, KD TOMBAK dan KD KRIS. Selain dari itu, TUDM juga turut mengambil bahagian dengan menghantar pesawat-pesawat pejuang, pengangkut, peronda maritim dan helikopter. Ekseksais ini telah memberi peluang kepada lima angkatan laut FPDA untuk menguji keupayaan dan keberkesanan sistem pertahanan negara terlibat di dalam mempertahankan kepentingan maritim di perairan Laut China Selatan. Ekseksais yang diadakan setiap tiga tahun ini bertujuan untuk melatih aset-aset negara FPDA untuk melaksanakan ekseksais Gabungan Bersama Ancaman Pelbagai (multi-threat) untuk mempertahankan Semenanjung Malaysia dan Singapura.

Pelaksanaan ekseksais dibahagikan kepada lima fasa di mana unsur-unsur terlibat dibahagikan kepada dua angkatan bertentangan iaitu Angkatan Biru dan Angkatan Merah. Angkatan Biru bertanggungjawab

mempertahankan Semenanjung Malaysia dan Singapura dari serangan Angkatan Merah. Fasa pertama yang bermula dari 23 Jun merangkumi aktiviti pembukaan dan latihan di pelabuhan yang meliputi taklimat Penanaman Perik Api (Mine Laying), Keselamatan Pesawat (Eagle Safety), *Joint Air Operations* dan lain-lain taklimat keselamatan. Latihan Integrasi Angkatan atau *Force Intergration Training* di laut dilaksanakan dalam Fasa 2 bermula 24 hingga 30 Jun antaranya merangkumi latihan Anti Kapal Selam (ASWEX), Pertahanan Udara (ADEX), Penembakan Sasaran Udara dan *Maritime Interdiction Operations* (MIOPS). Fasa 3 iaitu peringkat 'tempoh ketegangan' (Period of Tension) telah dilaksanakan dari 1 hingga 2 Julai. Fasa ini dijalankan dengan tujuan untuk melatih Angkatan Biru dalam mempertahankan Semenanjung Malaysia dan Singapura dari serangan Angkatan Merah dalam bentuk yang teratur dan dikawal selia oleh pengendali ekseksais. Fasa 4 pula adalah melatih pertahanan Angkatan Biru dalam suasana operasi yang lebih realistik dengan memberi kebebasan kepada pemerintahnya untuk mengaplikasi semua taktik yang difikirkan paling ampuh ia juga merupakan peringkat konflik bersenjata yang dilaksanakan selama 2 hari iaitu dari 3 hingga 4 Julai. Taklimat setamat ekseksais (PXD) diadakan dalam fasa 5 pada 5 Julai 2003 yang juga merupakan fasa terakhir Eks Flying Fish 03.

Upacara penutup Eks Flying Fish 03 telah disempurnakan oleh Panglima Angkatan Tentera Singapura, Maj Gen Ng Yat Chung pada 5 Julai di Pangkalan TUDM Subang. Pengalaman dan pelajaran yang diperolehi dari ekseksais ini sangat berguna sebagai persiapan FPDA untuk melaksanakan ekseksais gabungan berskala besar yang dijadualkan pada tahun 2007 dan diberi nama Ekseksais SUMAN PROTECTOR. S





WALL CLIMBING Di KD PELANDOK

Oleh: PR KD PELANDOK

Sekolah Jurulatih Jasmani Markas Pendidikan dan Latihan TLDM di KD PELANDOK telah memperolehi beberapa kemudahan baru untuk tujuan latihan sukan antaranya ialah peruntukan bagi pembinaan *Wall Climbing* Tembok mendaki tiruan dan *Weight Training Room* (peralatan bilik latihan beban). Beberapa peningkatan peralatan sukan dan alat bantuan mengajar bagi kegunaan Sekolah Jurulatih Jasmani dan markas telah juga diperolehi daripada anggaran belanjawan mengurus tahun 2002.

Wall Climbing adalah salah satu acara sukan bertaraf dunia yang tidak asing lagi di negara kita. Sukan yang mencabar ini telah diminati oleh remaja di peringkat sekolah rendah dan menengah dan juga lepasan sekolah. Pada tahun 1998, Sekolah Latihan Jasmani telah mencipta *wall climbing* dengan tapak untuk aktiviti tersebut dibina secara sendiri sebagai usaha menambah satu lagi acara sukan serta meningkatkan taraf sukan di dalam TLDM.

Pangkalan TLDM Lumut telah membina tapak *wall climbing* yang baru di dewan senaman KD PELANDOK pada bulan November 2002 dan seterusnya mula digunakan pada Disember 2002. Tapak *Wall Climbing* ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu *Wall Segment Vertical* dan *Wall Segment Vertical With Overhang*.

Wall Segment Vertical pula terbahagi kepada dua bahagian. Keluasan tapaknya berukuran 3 meter dan 6 meter diperbuat daripada *Reinforced Polymer Concrete* seakan-akan sama dengan batu semulajadi. Ia digunakan untuk latihan mendaki

tanpa darjah kesukaran di mana ia juga sesuai untuk latihan mendaki asas dan latihan kelajuan serta untuk pertandingan bagi acara *Speed Wall*. Ia tahan lasak dan sesuai untuk kegunaan di dalam atau luar dewan. *Wall Segment* bahagian kedua berukuran 2 meter x 6 meter diperbuat daripada kayu lapisan yang tahan lasak dengan permukaan yang agak kasar

Manakala *Wall Segment Vertical With Overhang* pula berukuran 3 meter x 6 meter digunakan untuk latihan mendaki dengan darjah kesukaran. Ia dibina untuk latihan mendaki bagi mereka yang mahir dalam aspek pendakian. Seperti *Wall Segment Vertical* ia diperbuat daripada *Reinforced Polymer Concrete*. Tapak ini tahan lasak dan seakan sama dengan permukaan batu. Tembok mendaki tiruan ini digunakan oleh pelatih Jurulatih Jasmani bagi latihan mendaki dalam subjek latihan sukan dan rekreasi serta digunakan juga oleh pelatih-pelatih untuk aktiviti petang di bawah pengawasan Jurulatih Jasmani bertugas.

Aktiviti tembok mendaki tiruan telah mula diperkenalkan bagi mengesan bakat-bakat baru yang meminati acara sukan yang mencabar ini. Dengan adanya kemudahan *wall climbing* di Pangkalan TLDM Lumut para anggota TLDM dapat menjalani aktiviti ini tanpa perlu keluar dari pangkalan.

Sukan ini berupaya menguji tahap ketahanan fizikal dan mental anggota. Jurulatih-jurulatih yang mengendalikan *wall climbing* ini terdiri daripada Jurulatih Jasmani TLDM yang berpengetahuan dan berkemampuan mengendalikan aktiviti ini. **S**

KAUNSELING: SATU PENGENALAN

Oleh: Lt Abu Yazid bin Hj Abu Bakar TLDM
PS 3 Psikologi dan Kaunseling, Markas Tentera Laut

LATAR BELAKANG

Kaunseling merupakan satu cabang ilmu sains kemanusiaan berteraskan gabungan ilmu-ilmu psikologi, pendidikan, sosiologi, serta pengurusan dan perkembangan manusia. Sejarah kewujudan ilmu sains kaunseling bermula seawal tahun 1879 apabila bidang ini mula diteroka di University of Leipzig, Jerman. Di Malaysia, bidang kaunseling mula berkembang seawal tahun 1960-an dengan pengenالannya di dalam dunia pendidikan, sebelum aplikasinya diperluaskan terhadap aktiviti-aktiviti sosial kemasyarakatan, kebajikan, dan pemulihan (akhlak, penagih dadah dan banduan) sekitar tahun 1970-an. Penubuhan rasmi Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA) pada tahun 1980 telah memperluaskan serta mempertingkatkan penerapan falsafah kaunseling di dalam pelbagai bidang.

Definisi kaunseling adalah sangat luas dan berbeza-beza mengikut kefahaman mazhab serta pendekatan yang dipegang oleh ahli-ahli profesional kaunseling. Walau bagaimanapun, kaunseling berpegang kepada satu fokus yang sama, iaitu kewujudan satu hubungan bagi menolong insan yang memerlukan bantuan. Dalam erti kata lain, kaunseling merupakan suatu proses membantu yang melibatkan interaksi dua hala di antara orang yang memberi bantuan (kaunselor) dengan orang yang dibantu (klien) di dalam persekitaran yang terapeutik. Tafsiran ini adalah selaras dengan definisi profesionalisme kaunseling yang diguna pakai oleh Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA) yang menyatakan bahawa kaunseling merupakan:

"suatu proses perhubungan menolong yang sistematik berasaskan prinsip psikologi yang dilakukan oleh kaunselor profesional bagi menghasilkan perubahan, perkembangan dan penyesuaian yang baik serta menyeluruh ke atas peribadi klien, secara sukarela berlandaskan etika kaunseling"

PERBINCANGAN

Perbincangan mengenai konsep dan proses kaunseling harus dimulakan dengan membicarakan mengenai insiden-insiden salah tafsiran ataupun

kes-kes tanggapan negatif yang sering terjadi. Kebiasaannya, pandangan masyarakat umum berhubung kaunseling (yang bercanggah dengan amalan sebenar kaunseling) merangkumi perkara-perkara berikut:

- Kaunseling adalah proses menyelesaikan masalah orang yang dibantu (klien).
- Kaunseling adalah proses menasihati orang bermasalah; justeru, kaunseling adalah perkhidmatan yang mudah dan mampu dilaksanakan oleh semua orang.
- Kaunselor harus lebih banyak bercakap manakala orang yang dibantu (klien) harus lebih banyak mendengar dan mengikut jalan penyelesaian yang dicadangkan oleh kaunselor.
- Kaunseling hanya diperlukan individu yang mengalami sakit mental.

Secara konseptual, proses kaunseling bukan bertujuan menyelesaikan masalah tetapi membantu individu bermasalah melihat permasalahannya dari pelbagai sudut dan perspektif berbeza. Individu bermasalah kebiasaannya mengalami kekeliruan fikiran sehingga menghalang mereka berfungsi dengan baik serta berfikir secara rasional, yang mengakibatkan kegagalan untuk mengenalpasti punca sebenar masalah. Di dalam melaksanakan peranan membantu klien mengenalpasti punca masalah, kaunselor lebih banyak mendengar sambil sekali sekala berkongsi pengalaman serta memberi penjelasan kepada kebuntuan yang dihadapi klien. Seterusnya, kaunselor hanya mencadangkan jalan-jalan penyelesaian yang perlu dipilih oleh klien untuk mengatasi masalahnya. Hasil perbandingan yang dibuat jelas menunjukkan wujud perbezaan ketara di antara praktis sebenar kaunseling dengan persepsi minda masyarakat umum mengenai kaunseling.

Hubungan kaunseling dibina di atas dasar kepercayaan di antara individu yang membantu dengan individu yang dibantu. Justeru, bagi memelihara kepercayaan dan hubungan, proses kaunseling memerlukan etika pelaksanaan yang perlu dipegang. Elemen utama dan terpenting etika kaunseling adalah isu kerahsiaan maklumat.

Segala maklumat yang dikongsi semasa sesi kaunseling hendaklah dijamin selamat oleh kedua-dua pihak. Kebiasaannya, sepanjang proses kaunseling, pihak yang dibantu banyak membuat pendedahan maklumat peribadi, sensitif dan adakalanya mengaibkan. Dalam konteks ini, adalah penting, terutama kepada pihak yang membantu, untuk memastikan tiada sebarang pendedahan maklumat mengenai diri orang yang dibantu dibuat kepada mana-mana pihak ketiga di dalam sebarang bentuk (lisan, bertulis, dan sebagainya). Walau bagaimanapun, kerahsiaan maklumat ini boleh dinafikan, di mana pihak yang membantu menjadi bertanggungjawab untuk melaporkan kepada pihak-pihak lain, sekiranya berlaku salah satu daripada perkara-perkara berikut:

- a) Maklumat yang didedahkan oleh individu yang dibantu didapati membahayakan nyawa dan dirinya sendiri.
- b) Maklumat yang didedahkan oleh individu yang dibantu didapati membahayakan nyawa dan diri orang lain (sama ada mempunyai kaitan langsung atau tidak dengan dirinya).
- c) Maklumat yang didedahkan oleh individu yang dibantu didapati mengancam (secara serius) keselamatan dan kepentingan masyarakat umum.

Pengendalian proses kaunseling yang berkesan memerlukan kaunselor atau individu yang membantu itu menguasai beberapa kemahiran asas kaunseling. Kemahiran-kemahiran ini diperlukan bagi melaksanakan proses penerokaan mendalam (*depth-exploration*) sepanjang sesi berlangsung. Kemahiran-kemahiran asas kaunseling yang utama adalah seperti berikut:

- a) Mendengar Secara Aktif – Keupayaan mendengar dengan teliti, memberi tumpuan penuh, sambil menganalisa, mensintesis cerita dan menghurai masalah individu yang dibantu.
- b) Empati – Kemampuan meletakkan diri di dalam situasi yang sedang dialami oleh individu yang dibantu dengan matlamat untuk sama-sama menyelami seterusnya memahami permasalahan beliau (fizikal, emosi, dan sebagainya). Kemahiran berempati ini jauh berbeza dengan konsep sekadar bersimpati.

- c) Komunikasi – Kemahiran untuk mendapatkan maklumat sebanyak mungkin daripada individu yang dibantu agar kefahaman mendalam mengenai permasalahan diperolehi. Kemahiran ini terbahagi kepada komunikasi lisan (tatacara menyoal, membuat refleksi, merumus, dan sebagainya) dan komunikasi bukan lisan (penghasilan maklumat menerusi pemerhatian terhadap aspek-aspek diri individu yang dibantu seperti ekspresi muka, postur badan, nada suara, pergerakan mata, dan sebagainya). Dalam sesuatu sesi kaunseling, hampir 85% maklumat serta isi masalah diperolehi daripada pengaplikasian kemahiran komunikasi bukan lisan manakala selebihnya komunikasi lisan; justeru, penguasaan kedua-dua kemahiran ini amat penting.

KESIMPULAN

Pendekatan kaunseling secara menyeluruh di dalam organisasi ketenteraan sememangnya agak sukar dilaksanakan. Sebagai contoh, konsep penerimaan secara terbuka / tanpa prejudis / tanpa melabel yang menjadi amalan profesional kaunseling tidak boleh diamalkan seratus peratus di dalam organisasi tentera. Sekurang-kurangnya, struktur pangkat yang diamalkan membataskan pembinaan perhubungan kaunseling yang benar-benar terbuka, telus dan tanpa prejudis. Seterusnya, fungsi organisasi yang tidak berpaksikan aktiviti pemulihan anggota (yang mungkin bermasalah dan telah melanggar peraturan) menghadkan pelaksanaan kaunseling kepada aktiviti dan program pencegahan dan bimbingan semata-mata.

Walaupun bagaimanapun, masih banyak program yang boleh dirangka (sebagai contoh, latihan, pembangunan dan perkembangan kerjaya) dengan menerapkan unsur dan pendekatan kaunseling. Keutamaan apabila merangka program tersebut harus difokuskan kepada kesejahteraan (*well-being*) sumber tenaga manusia kerana sumber manusia adalah tulang belakang sesebuah organisasi. Di dalam sebuah organisasi seperti TLDM yang mempunyai struktur Sistem Bahagian (*Divisional System*) yang hampir menyamai struktur 'kaunseling kelompok', perancangan untuk merangka serta melaksanakan program seumpama ini tidak mustahil untuk dicapai, dengan syarat usaha bersungguh-sungguh harus dilakukan. **S**

PV Pertama Tiba di Lumut



Selamat datang... Kapal pengangkut Condock IV membawa pulang PV pertama dari Jerman



Kapal PV ditarik ke jeti limbungan PSC-ND

Penyerahan Helikopter WASP Kepada Muzium Pekan



Laksamana Datuk Mohd Ramly menyerahkan helikopter WASP kepada Pengerusi Lembaga Muzium Negeri Pahang



Bergambar kenangan... bersama pasukan pancaragam Sek. Men. Pekan

Perbarisan Tamat Latihan Rekrut 191/2003



Rekrut/Rekrutnita Terbaik 191/2003 menyampaikan cenderahati kepada YB Menteri Pertahanan



Perbarisan mengarak Bendera Division

Super Lynx Diserahkan kepada TLDM



Penerbangan awal di Lumut



Di dalam hangar KD RAJAWALI

Serah Tugas Panglima Tentera Laut



Upacara serah tugas Panglima Tentera Laut disaksikan YB Menteri Pertahanan



Hormat Laksamana... jasmu dikenang

... dan Pengerusi BAKAT Laut



Majlis serah tugas Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT LAUT



Lama dan baru

PASAR KITA

Jarang juga Tok Cik ke pasar dalam Pangkalan Lumut ni, kecuali pada hari tak kerja atau cuti am. Kat dalam pangkalan ni semua kemudahan seperti pasar, kedai dan penjualan makanan bermasak disediakan dan sudah tentu banyak membantu suri rumah di sini. Bagi yang kurang rajin masak tu, pilih aje menu yang sesuai untuk santapan. Tok Cik sangat berterima kasih dan bersyukur dengan kemudahan tersebut. Pun begitu, samada kita sedar atau tidak pada waktu pagi di bangunan yang menempatkan penjualan makanan dan kuih muih di situ didapati terdedah kepada lalat-lalat. Tak tahulah Tok Cik kalau lalat-lalat di kueh-mueh tu tidak terhinggap ke tempat lain terlebih dahulu. Bersebelahan tu adalah kawasan pasar menjual sayur, daging dan ikan. Apa yang Tok Cik nampak bukan sedikit jumlah lalat di gerai makanan tersebut. Tak menang tangan orang yang menjual tu mengibas-ngibas lalat dengan kertas atau tangan. Kalau tak salah Tok lah, masa belajar sains dulu, cikgu kata lalat ni pembawa penyakit berbahaya. Untuk tujuan pencegahan penyakit berpunca dari lalat di gerai-gerai tersebut adalah lebih selamat sekiranya makanan yang dijual dilindungi daripada dihinggap oleh lalat-lalat. Banyak langkah-langkah boleh diperkenalkan seperti mewajibkan penggunaan plastik menutupi makanan atau penggunaan tudung saji atau menghapuskan lalat-lalat tersebut (sekiranya boleh). Demi kesihatan yang harus dijaga, langkah-langkah pencegahan memanglah perlu dan di alu-alukan demi kebaikan kita bersama.

Tok Cik - Cegah sebelum parah.

SURAT LAYANG AMPUNYA PASAL


Sejak akhir-akhir ini Tok Cik sering mendengar keluh kesah Pegawai Memerintah (PM) yang sedang dan akan menerajui kapal. Kisahnya berkisar tentang surat layang. Ada yang berkata, susah kalau jadi PM, kalau pihak atasan melayan surat sokongan dari pihak-pihak tertentu bagi tujuan bertukar unit atau kawasan. Sekiranya pihak atasan menerima surat tersebut, PM yang akan dipanggil untuk beri justifikasi - lebih kurang macam kena bela diri pulak. Memanglah kita tidak boleh menghalang pihak luar dari menulis kepada sesiapa saja untuk tujuan tertentu. Kadang-kadang adik beradik, saudara mara atau mertua pun boleh buka cerita kepada pihak-pihak berkenaan. Tetapi bagaimana nak menghalang anggota-anggota kita dari melakukannya. Kadang-kadang Tok Cik rasa anggota kita tak berniat berbuat demikian, tetapi orang lain dalam keluarganya terlebih sudu dari bubur. Tok Cik nak cadangkan agar semasa hari Pegawai Bahagian, BUKU LOG PEGAWAI BAHAGIAN yang ada tu diisi sendiri oleh anggota dengan tulisan tangannya. Semua ruangan termasuk tarikh, nama, masalah, dll. Haa...kalau ada masalah nyatakan dibuku tersebut supaya apabila timbul perkar-perkara berbangkit, tunjukkan Buku Log Pegawai Bahagian tersebut sebagai bukti. Tapi sekiranya segala masalah telah ditulis tetapi tidak diambil tindakan, baru sah memang salah Pegawai Bahagian. Bolehlah ambil tindakan sewajarnya.

Tok Cik - Penat sangat dah dengar kisah surat layang ni.

VANDALISME

Sekiranya pembaca sering melalui jalan Armada di Pangkalan Lumut ini, tentunya ada yang terperasan tentang papan tanda HAT 96 yang terletak di tengah-tengah pembahagi jalan antara 2 laluan jalan sehalu tersebut. Papan tanda berhuruf "H" dibuat dari kotak plastik ini dihiasi dengan lampu dan bertiang. Papan tanda ini tidaklah begitu penting bagi warga Pangkalan Lumut kerana mereka semua sedia maklum kedudukan HAT tersebut. Adapun tujuan murni papan tanda ini ditujukan kepada orang awam yang masuk ke pangkalan ini untuk mendapatkan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan ataupun yang berurusan dengan 96 HAT. Apa yang Tok Cik perhatikan telah seringkali papan tanda ini pecah / rosak dan diganti baru sejak dari 2 tahun lepas lagi. Bukan sekali dua tetapi telah banyak kali benar rasanya. Sakit mata dan hati Tok Cik melihat aktiviti vandalisme ini. Tak tahulah siapa sebenarnya yang gatal tangan merosakkannya. Tok Cik percaya perbuatan tidak bertanggungjawab ini berkemungkinan besar dilakukan oleh orang-orang yang tinggal di pangkalan ini juga. Yang tak pastinya sama ada orang dewasa atau budak-budak. Orang luar dah tentu tak berani. Kalau dah seringkali jahanam perlulah kita menyekat ketidakwarasan orang yang tidak bertanggungjawab itu. Di mana tanggungjawab kita sebagai rakyat Malaysia yang berhemah tinggi kalau perkara sebegini telah, sedang dan akan terus terjadi?

Tok Cik - Nak cabar warga TLDM tangkap si penjenayah tu



THE BEST WAY TO MANAGE A SUPPLY CHAIN IS TO KNOW THE DEMAND CHAIN.

Like in other industries, the supply chain within the Aerospace & Defense industry is built around demand too. And because demand can go from overwhelming to underwhelming in a matter of minutes, it can wreak havoc and dramatically slow down operations. The mySAP Supply Chain Management solution integrates seamlessly into your everyday processes, and handles the hazards of supply and demand with ease. It organizes and manages logistics, deployment and other supply chain related factors to help you anticipate market changes and fill orders faster. It also allows for high visibility, so vendors and suppliers can work together efficiently; making it the only collaborative SCM solution that can turn a supply chain into a profit center. For more information, head to www.sap.com

THE BEST-RUN BUSINESSES RUN SAP



SAP Malaysia Sdn Bhd (236985P) 12th Floor, Menara Tan & Tan, 207,
Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-2161 0233 Fax: 03-2163 2688 www.sap.com



LIMA 2003 MARITIME

30 SEPTEMBER - 5 OCTOBER 2003 • PORTO MALAI, LANGKAWI, MALAYSIA



WHERE ASIA PACIFIC DECISION MAKERS CONVERGE

Into its fourth edition, LIMA 2003 Maritime has firmly established itself in the world defence calendar. It is now the preferred exhibition for companies looking to reach 30% of the world's future naval market, which the Asia Pacific represents. LIMA 2001 Maritime saw 200 senior officials from 33 countries, 300 companies from 22 countries, 31 visiting warships and 41 vessels of various categories make their presence at the show.

DON'T MISS IT!

Supported By



GOVERNMENT OF MALAYSIA

Official Airline



Official Publication



For further information, please contact :-



HW LIMA SDN BHD (356072-D) Letter Box No 16, Suite 18C, 18th Floor, UBN Tower, Jalan P.Ramlee, 50250 Kuala Lumpur.

Tel: 603-2715 0324 Fax: 603-2715 0334 E-Mail: hw5@hwlima.org